



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK RIZATUL AKMAN BIN ZAID
TOKOH SEJARAH BANGUNAN TOK SELEHOR

OLEH:

NUR NAJIHAH BINTI HAMDAN 2017390295
NURUL AZUWA BINTI AMIRRUDIN 2017537585

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UiTM CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (FEB 2019 – JUL 2019)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK RIZATUL AKMAN BIN ZAID
TOKOH SEJARAH BANGUNAN TOK SELEHOR

OLEH:

NUR NAJIHAH BINTI HAMDAN 2017390295
NURUL AZUWA BINTI AMIRRUDIN 2017537585

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UiTM CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (FEB 2019 – JUL 2019)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w. b. t. dan salam sejahtera.

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat juga kami menyempurnakan tugas bagi Projek Pendokumentasian Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dapat dinafikan sepanjang menjalankan kerja khusus ini, kami telah memperoleh pelbagai pengalaman dan cabaran dalam pelbagai bentuk sama ada pahit ataupun manis yang amat berharga dalam hidup kami sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang telah kami perolehi sepanjang menjalankan tugas ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup kami.

Justeru itu, kami juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan lebih terperinci berkaitan tugas ini iaitu menemuramah Encik Rizatul Akman Bin Zaid sebagai Tokoh Sejarah Tok Selehor. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR604 - Oral Documentation (Pendokumentasi Sejarah Lisan) iaitu, Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menjalankan tugas ini.

Oleh itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga kami yang telah banyak memberikan sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan dari semua pihak, tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar dan bersama Encik Rizatul Akman Bin Zaid mengenai Sejarah Bangunan-Bangunan Tok Selehor. Beliau merupakan cicit kepada seorang tokoh dan juga ahli ulama terkenal iaitu Tok Selehor. Transkrip temubual dan wawancara ini telah dijalankan di rumah kediaman beliau sendiri di Pondok Darul Hannan, Tok Selehor, Kg Kok Pasir 16040 Tumpat, Kelantan pada hari Jumaat bersamaan 26 April 2019 bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Selain itu, temubual ini menumpukan pada pengalaman beliau dalam memelihara dan memulihara sejarah bangunan-bangunan Tok Selehor.*

Kata kunci: *Encik Rizatul Akman Bin Zaid, Bangunan Bersejarah, Tok Selehor, Kampung Selehor.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGHARGAAN.....	3-4
ABSTRAK.....	5-6
ISI KANDUNGAN.....	7-8
BIODATA TOKOH.....	9-10
Pengenalan.....	11-13
TRANSKRIP	
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG CICIT TOK SELEHOR	15-17
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN DAN PEKERJAAN BELIAU	18-23
BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG TOK SELEHOR	24-44
BAHAGIAN 4: SEJARAH PENDIDIKAN TOK SELEHOR	45-50
BAHAGIAN 5: PEKERJAAN AWAL TOK SELEHOR	51-54
BAHAGIAN 6: SEJARAH BANGUNAN	55-75
BAHAGIAN 7: KEJAYAAN	76-77
BAHAGIAN 8: MASALAH DAN ISU	78-80
BAHAGIAN 9: HARAPAN	81-88
RUJUKAN.....	110
LAMPIRAN	
LAMPIRAN 1: LOG WAWANCARA.....	89-92
LAMPIRAN 2: DIARI KAJIAN.....	93-94
LAMPIRAN 3: SENARAI SOALAN.....	95-104
SURAT PERJANJIAN.....	105-106
GAMBAR.....	107
INDEKS.....	108-109

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



BIODATA TOKOH SEJARAH BANGUNAN TOK SELEHOR

- Nama : Encik Rizatul Akman Bin Zaid
- Umur :
- Status : Telah Berkahwin
- Tempat Tinggal : Pondok Tok Selehor
- Nama Bapa :
- Nama Ibu :
- Bilangan Anak : 5 orang (2 lelaki 3 perempuan)
- Pendidikan : Diploma Kejuruteraan Awam di Politeknik
- Kerjaya :
- Pekerja Sambilan Harian Agensi Kerajaan Anti Dadah Daerah Tumpat
 - Pengurus Pondok Darul Hannan

PENGENALAN

PENGENALAN

Pertama sekali, kami telah mendapat tugas daripada pensyarah yang diwajibkan untuk mencari tokoh yang mempunyai maklumat dan pengalaman beliau tentang Sejarah Bangunan Lama. Tugas ini meliputi menemubual tokoh dan mentranskripkan segala percakapan di dalam bentuk bertulis ataupun dalam erti kata lain iaitu sejarah lisan. Sejarah lisan ini adalah satu kaedah di mana kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang menyumbng maklumat bersejarah dari penglibatan mereka secara langsung dengan watak, masa lalu atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin, disemak dan diterjemahkan supaya dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama Encik Rizatul Akman Bin Zaid yang telah dijalankan pada hari Jumaat bersamaan 26 April 2019 bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Pondok Darul Hannan, Tok Selehor, Kg Kok Pasir 16040 Tumpat, Kelantan. Beliau merupakan cicit kepada seorang tokoh dan juga ahli ulama terkemuka iaitu Tok Selehor dan bertanggungjawab sebagai pengurus Pondok Darul Hannan serta memelihara dan memulihara Pondok Tok Selehor. Saudara Encik Rizatul Akman Bin Zaid telah dilahirkan di Pondok Tok Selehor Tumpat, Kelantan dan nama penuh bapa beliau ialah Haji Zaid Bin Bakar dan ibunya Wan Melah Binti Haji Wan Umar. Beliau merupakan satu-satunya anak lelaki daripada tiga orang adik-beradik dan berstatuskan sudah berkahwin. Beliau juga telah dikurniakan seramai lima orang cahaya mata iaitu dua orang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan.

Transkrip wawancara ini dijalankan selama dua jam dan penempuan sesi wawancara ini menjurus kepada latar belakang beliau, sejarah pendidikan dan pekerjaan beliau, latar belakang Tok Selehor, sejarah pendidikan Tok Selehor, pekerjaan awal Tok Selehor, sejarah bangunan, kejayaan, masalah dan isu, dan harapan. Transkrip daripada hasil wawancara ini menceritakan tentang pengalaman beliau berdasarkan ayah beliau ceritakan dan juga pengalaman beliau yang telah hadapi sebelum dan selepas menjadi pengurus Pusat Pondok

Darul Hannan dan juga bangunan-bangunan sejarah Tok Selehor ini. Beliau menceritakan tentang cabaran dan juga usaha yang telah dilakukan oleh beliau dalam membaik pulih bangunan-bangunan Tok Selehor ini supaya dapat mengekalkan sejarah yang dapat diambil sebagai iktibar dan diketahui oleh orang ramai pada masa depan.

Akhir kata, beliau juga memberikan beberapa harapan, nasihat dan motivasi kepada masyarakat luar terutamanya kepada remaja sekarang tentang ilmu agama yang telah ditinggalkan oleh Tok Selehor untuk diamalkan dalam kehidupan seharian kita. Beliau juga berharap supaya sejarah tentang Tok Selehor ini dapat dipelihara dan dikembangkan kepada orang ramai terutamanya di sekolah, pondok, universiti dan juga kepada seluruh umat Islam dan masyarakat di seluruh Negara.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Encik Rizatul Akman Bin Zaid mengenai Sejarah Bangunan-Bangunan Tok Selehor. Beliau merupakan cicit kepada seorang tokoh dan juga ahli ulama terkenal iaitu Tok Selehor. Transkrip temubual dan wawancara ini telah dijalankan di rumah kediaman beliau sendiri di Pondok Darul Hannan, Tok Selehor, Kg Kok Pasir 16040 Tumpat, Kelantan pada hari Jumaat bersamaan 26 April 2019 bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Selain itu, temubual ini menumpukan pada pengalaman beliau dalam memelihara dan memulihara sejarah bangunan-bangunan Tok Selehor. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

RAZ: Rizatul Akman Bin Zaid
NNH: Nur Najihah Hamdan
NAA: Nurul Azuwa Amirrudin

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG CICIT TOK SELEHOR

NNH : Assalamualaikum encik, sebagai permulaan perbualan kita, boleh encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang encik, nama penuh encik, apakah nama panggilan encik, berapakah umur encik?

RAZ : Okay, waalaikumussalam. Bismillahirrahmanirahim. Nama saya macam *tu* [itu] lah, Rizatul Akman bin Zaid. Umur _____ Nama panggilan Rizal lah pakcik Rizal biasa *mace-mace* [macam-macam] boleh. Asal sini lah, saya asal di pondok Selehor *ni* [ini], lahir di pondok selehor, dibesarkan di pondok selehor, bekerja di pondok selehor, menetap di pondok selehor. Adik beradik *tiga ore* [3 orang], *hok dua ore perempuan* [yang 2 orang perempuan],

saya *sore* [seorang] lelaki. Kakak *sayo hok* [saya yang] sulung *perempue* [perempuan], *hok* [yang] tengah *perempue* [perempuan], saya lah *hok* [yang] bongsu lelaki.

Hobi *ni* [ini] macam-macam memancing, menjala. Kebanyakan, sebab saya tinggal di tepi sungai, jadi lebih kebanyakan aktiviti-aktiviti dalam sungai lah.

Bagi nama keluarga?

NNH : Siapakah nama ibubapa encik?

RAZ : Nama ayah

Ayah saya asal sini lah asal c . Manakala mak saya *pulak* [pula] berasal dari Kampung Wakaf Bharu.

NNH : Berapakah bilangan anak encik?

RAZ : Saya dikurniakan *lima* [5] orang cahaya mata, *dua* [2] *laki-laki* [lelaki] dan *tiga* [3] perempuan.

NNH : Apakah pekerjaan encik sekarang?

RAZ : Buat masa sekarang ni, saya bekerja di-dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Tumpat lah sebagai bekerja sambil harian dan juga saya juga secara *tak* [tidak] langsung sebagai pengurus Pondok Darul Hanan lah disini.

NNH : **Apakah bakat encik miliki?**

RAZ : **Bakat, macam mana nak kata bakat ya?**

NNH : Contohnya Tok Selehor bakat dalam bersyair, ahli ulama, bertaranum.

RAZ : Saya sebabnya bakat *ni* [ini] kadang lebih kepada hobi dimana saya, hobi saya aktiviti dalam sungai. Bakat mencari ikan boleh lah, menjala, baiki pukat, bubu pukat. Boleh lah *tu* [itu].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN DAN PENDIDIKAN BELIAU

NNH : Okay untuk sejarah pendidikan encik, sehingga tahap mana pendidikan encik?

RAZ : Saya belajar sampai Sijil Kejuruteraan Awam politeknik di Polisas Kuantan. *Situ* [disitu] saya belajar. *Tu last* [itu terakhir]. Sampai diploma *tak* [tidak] habis.

NNH : Sekolah Menengah encik?

RAZ : Saya sekolah menengah-- sekolah rendah dulu ya? Sekolah rendah Sekolah Kebangsaan Kok Pasir *kat* [dekat] sini. Tingkatan *satu* [1] saya masuk *MRSM* [Matrikulasi Rendah Sains Mara] Pengkalan Chepa, selama *tiga* [3] tahun. *Lepas tu* [Selepas itu] bila keputusan dapat *tak* [tidak] elok saya sambung di Sekolah Menengah Tumpat *dua* [2] tahun, tingkatan *empat* [4], tingkatan *lima* [5].

NNH : Apakah pencapaian yang encik capai? Sekolah menengah, Sekolah rendah?

RAZ : Sekolah rendah banyak. Saya sebagai wakil sekolah dalam permainan takraw, renang. Macam sekolah menengah saya main bola wakil sekolah menengah, bola sepak. *Lepas tu* [Selepas itu] *softball* [sofbol], saya main juga *softball* [sofbol]. Takraw pun okay juga. Takraw wakil maktab lah masa *tu* [itu], *gitu lah* [macam itu lah].

NNH : Apakah pengalaman manis dan pahit sepanjang zaman persekolahan encik?

RAZ : Pengalaman manis zaman persekolahan saya. *Hok* [Yang] zaman pengalaman manis sangat! Masa saya sekolah menengah di *MRSM* [Matrikulasi Rendah Sains Mara] lah. Ingat lah pengalaman manis sebab kita daripada kampung, pergi sana lebih kurang kepada nak jadi kejutan budaya *tak* [tidak] pernah tinggal berasrama, tinggal jauh dengan keluarga, banyak lah kawan-kawan masa *tu* [itu]. *Batch* [Tahun] saya *tu* [itu] seramai 174 *ore* [orang]. Paling ramai dari tingkatan-tingkatan lain dengan *batch* [tahun] saya paling ramai jadi banyak lah pengalaman, dengan dia dipanggil *homeroom* [kelas] aktiviti-aktiviti. Saya buat projek sains, pun dapat menang dalam pertandingan projek-projek sains antara *MRSM* [Matrikulasi Rendah Sains Mara] sebagai wakil *MRSM* [Matrikulasi Rendah Sains Mara]. Itulah sedikit sebanyak.

NNH : Untuk sejarah pekerjaan encik, apakah pekerjaan encik sekarang?

RAZ : Saya sebagai *BSH* [Bekerja Sambil Harian] di Bekerja Sambil Harian di Agensi Anti Dadah.

Saya--nak kepada *detail* [terperinci] ke?

NNH : *Haah* [Ya].

RAZ : Okay saya lebih kepada menjaga budak-budak pengawasan ataupun *client-client* [pelanggan-pelanggan] yang menjalani hukuman pengawasan di AADK [Agensi Anti Dadah Kebangsaan] saya yang jaga ataupun saya kendalikan. Kendalikan sesi rawatan, sesi kaunseling, macam ‘Berbuah Langkah’, ‘Program Propose Pembantu’ dan ceramah-ceramah agama *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] lah. Macam bacaan Yaasin apa semua saya boleh lah mengetuai *client-client* [pelanggan-pelanggan].

NNH : Untuk penjara?

RAZ : Penjara *tak* [tidak]. Saya lebih kepada daerah sahaja. Kira *client* [pelanggan] yang melaporkan diri sebulan sekali di daerah yang telah bebas di penjara ataupun yang tidak dipenjara *tapi* [tetapi] dia dikenakan hukuman pengawasan *tu* [itu] yang lebih kepada saya *focus kat* [tumpu dekat] situ.

NNH : Kiranya dalam pengawasan itu hukuman dia biasa-biasa?

RAZ : *Tak* [Tidak]. Hukuman pengawasan *ni* [ini] dia wajib melapor diri di AADK [Agensi Anti Dadah Kebangsaan] di pejabat AADK [Agensi Anti Dadah Kebangsaan] sebulan sekali dan wajib mengikuti apa-apa program yang dianjurkan oleh kerajaan tak kiralah sebulan , sebulan sekali ke , *dua* [2] bulan sekali ke, *dua puluh* [20] kali sebulan ke macam *gitulah* [itulah]. Benda *tu* [itu] dia wajib hadir. Saya kena pastikan semua *client* [pelanggan] wajib hadir.

NNH : Kalau dia tak hadir?

RAZ : *Tak* [Tidak] hadir *client* [pelanggan] akan dikenakan hukuman langgar syarat. Hukuman dia *tiga* [3] tahun *tiga* [3] rotan. Sebab itu saya kena pastikan *client* [pelanggan] hadir. *Gitu* [Macam itu] lah. Kalau *tak* [tidak] hadir memang hukuman *tu* [itu] akan kena.

NNH : Macam mana encik atasi?

RAZ : Saya guna kaedah kadang-kadang dengan *client* [pelanggan] kita *tak* [tidak] boleh terlalu baik, terlalu garang. Dia kena ada *give and take* [memberi dan menerima]. Kira sifat memujuk pun ada. Kadang-kadang kita keras bertempat. Macam sesi matrik *tu* [itu] adalah wajib. Bila *client* [pelanggan] hadir, dia kena mengikuti sesi matrik yang telah dijadualkan, mana sesi matrik dia *focus client* [tumpukan pelanggan] yang hadir *dua puluh empat* [24] bulan mana *dua* [2] tahun sebulan sekali. *Dua puluh empat* [24] bulan makna *dua* [2] tahun, jadi dalam masa *dua puluh empat* [24] bulan dia ada dah tajuk. Setiap bulan tajuk-tajuk yang telah dijadualkan oleh pihak agensi lah.

NNH : Apakah jawatan yang encik pegang sekarang?

RAZ : Saya lebih kepada pembantu kepada pengawai, pengawai agensi lah, kira macam lebih kepada menolong menyempurnakan tugas-tugas.

NNH : Apakah pekerjaan encik selepas zaman persekolahan?

RAZ : Selepas zaman persekolahan saya banyak ceburi. Selepas zaman persekolahan, kira lepas habis *Politek* [Politeknik] lah. Bila saya habis *Politek* [Politeknik]-- saya sebab bidang yang saya belajar *tu* [itu] kejuruteraan awam jadi saya bekerja sebagai ikut *major* [jurusan] saya lah kejuruteraan awam di Kuala Lumpur selama *enam* [6] tahun *lepas tu* [selepas itu] saya balik, sambung lagi sebagai penyelia tapak di Tanah Merah selama *dua* [2] tahun ke *tiga* [3] tahun. *Lepas tu* [selepas itu] saya rehat sekejap dalam masa *sepuluh* [10] tahun *lepas tu* [selepas itu] barulah saya sambung, saya dapat bekerja dengan agensi. Saya [dengan] agensi dah masuk tahun ke sebelas [11]. Baru lagilah.

NNH : Siapa yang menguruskan bangunan-bangunan Tok Selehor ni?

RAZ : Bangunan-bangunan Tok Selehor *ni* [ini] saya yang mengurus. Saya lebih kepada *maintainan* [penyelenggaraan], kerosakan, bila elektrik *blackout* [tiada elektrik], bila masalah air, ataupun enjin rosak. Secara purata memang saya lah jaga. Kira saya jaga *tu* [itu] siang dan malam *tak* [tidak] kira termasuklah orang sakit, saya hantar hospital. Kena *standby* [siap sedia] lah. Macam sebab kita ada lebih kurang *tiga puluh* [30] orang penghuni lah dekat sini.

NNH : **Apakah pekerjaan pertama encik sebelum encik mendapat pekerjaan yang tetap sehingga sekarang?**

RAZ : Pekerjaan pertama sebagai penyelia tapak binaan macam *supervisor* [penyelia] lah orang panggil. Saya sebagai penyelia tapak *tu* [itu] lebih kurang dalam *lima* [5], *enam* [6] tahun juga di Kuala Lumpur.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG TOK SELEHOR

NNH : Sekarang kami ingin menemubual encik mengenai sejarah bangunan yang telah dibina oleh Tok Selehor. Kami mulakan sekarang ya dengan latar belakang Tok Selehor. Apakah nama penuh Tok Selehor, siapakah Tok Selehor, apakah nama gelaran beliau, dimanakah tempat lahir beliau, bilakah tarikh lahir beliau?

RAZ : Okay, Tok selehor *tu* [itu] adalah nama tempat. Asal usul *bulih* [boleh] nama Selehor *ni* [ini], dia ada *dua* [2] *cite* [cerita] yang berbeza, okay. Tok Selehor *ni* [ini] dia *dua* [2] cerita yang boleh jadikan nama Selehor. Saya *start* [mula] situ *deh* [ya]? Okay, Selehor ni bila *dua beranak* [2 beranak] naik perahu tiba-tiba ada satu benda jatuh dalam sungai. Jadi, si *mok* [emak] si *anak* [anak] *ni* [ini] tanya “*mok nok sele ko?* [Emak nak bersalam ke?]” Mak dia cakap “*hor* [ya]” tu jadi Selehor. *Tu citer* [Itu cerita] yang pertama. *Citer* [Cerita] yang kedua, *dua* [2] *beranak* [beranak] duduk dapur nak *masok* [masak] nasi. Si *anak* *ni* [anak ini] tanya “*mok nok nanok banyak mano?* [Emak nak masak banyak mana?] *Sele ko?* [Selam ke?]” Mak dia cakap “*hor* [ya]”. *Tu* [Itu] jadi selehor. *Dua* [2] *citer* [cerita] berbeza lah. *Tu* [Itu] nama asal nama tempat.

Manakala nama Tok Selehor pulak adalah Tok Selehor Haji Abdul Rahman Bin Othman Bin Muhamad Amin. Nama *mok* [emak] dia, Mek Wi *Bin* [Binti] Senik. Tok Guru Haji Abdul Rahman *ni* [ini] bila balik sini dia lebih dikenali dengan nama tempat. Tok Selehor pun orang panggil. Tok Syair pun orang panggil sebab dia pandai bersyair. Tempat lahir dia disini lah di Kampung Lubuk Jong

lah. Sini dulu sebelum--dia jadi *tiga* [3] nama, *tiga* [3] nama kampung. Asal dulu-dulu Kampung Lubuk Jong. Sebab ada kapal-- masa zaman Tok Selehor dulu semua zaman Tok Selehor *tu* [itu] ada kapal yang mudik , bahtera yang mudik , saya *tak* [tidak] tahu lah saya ingat Kapal Jong yang mudik. Kapal Jong mudik dia tenggelam dekat lubuk depan *tu* [itu]. Jadi, *tu* [itu] yang dinamakan Lubuk Jong. Lepas pada Lubuk Jong, Selehor *ni* [ini] bukan sini. Selehor depan sana dekat dengan jambatan keretapi, *tu* [itu] Selehor. *Tapi* [Tetapi] dia lebih bila zaman Tuan Guru Tok Selehor balik dia lebih dikenali dengan nama Selehor. Tapi kalau mengikut geran tanah ataupun peta dia panggil Selehong. Benda yang sama kan tempat yang sama, nama sama *tapi* [tetapi] dia lebih kepada Selehong. S-E-L-E-H-O-N-G. Kalau sini kita panggil Selehor dan Tok Selehor pula dilahirkan pada 1871. Dia meninggal tahun 1935. *Enam puluh empat* [64] tahun umur. Kalau dekat dalam buku *tu* [itu] dia tulis Haji Abdul Rahman bin Othman bin Senik. Betul *tak* [tidak]? Cuba baca nota kaki *kat* [dekat] bawah *tu* [itu] [Buku Tok Selehor]. Dia tersilap cetak. Dia tulis *kat* [dekat] situ Mek Wi *bin* [Binti] Mohamad Amin. *Tak* [Tidak]. Mek Wi *bin* [Binti] Senik. Dia Haji Abdul Rahman bin Othman bin Mohamad Amin.

NNH : Apaka punca kewafatan beliau?

RAZ : Dia meninggal *ni* [ini] mengikut cerita lah. Dia baru balik dari berburu rusa. Dia *ni* [ini] kan Tok Selehor minat berburu. Dia banyak bakat, banyak keberkatan. Jadi satu hari nak jadikan *citer* [cerita] dia pergi buru rusa dekat Batu Tiga, dekat Batu Tiga *depe* [depan] *tu* [itu]. Dia dari sini naik keretapi sampai Batu Tiga *depe* [depan]. *Lepas tu* [Selepas itu] lepas Batu Tiga *depe* [depan] naik kuda *pulok* [pula]. *Dua* [2] *tiga* [3] *butir biji* [buah] bukit barulah jumpa tempat buru *tu* [itu]. Jadi dia buru sana dia buru rusa, lepas pada buru rusa *tu* [itu] balik daripada buru rusa *tu* [itu] dia demam. Demam *dua* [2] minggu *tu* [itu] meninggal.

Ada mengikut cerita lah daripada *citer-citer* [cerita-cerita] anak-anak murid dia kata mungkin dia *bawak* [bawa] balik badi rusa. Saya *tak* [tidak] tahu lah Waallahualam lah yang *tu* [itu]. Saya *tak* [tidak] boleh kata *hok tu* [yang itu].

NNH : Apakah peranan beliau semasa beliau berkhidmat?

RAZ : Dia lebih kepada guru agama lah. Guru agama yang mengajar sampai peringkat Tasawwur Tarikat, ilmu dia yang dia yang diajar. Tapi yang diajar *kat* [dekat] anak murid *ni* [ini] ilmu yang rendah-rendah lah macam Syariat, Akidah, Tasawwur *tapi* [tetapi] dia dah sampai peringkat Tarikat *tu* [itu] yang dia ajar anak murid dia.

NNH : Apakah pekerjaan sampingan beliau?

RAZ : Pekerjaan sampingan Tok Selehor?

NNH : *Haah* [ya].

RAZ : Tok Selehor ini selain pada mengajar *tu* [itu] pekerjaan utama lah kita kata *ni* [ini]. Dia suka tangkap ikan, pergi memukat ikan dilaut. Dia *gi* [pergi] tangkap ikan dilaut dia kawan dengan ikan lumba-lumba. Bila dia pergi memburu di-- memburu pun dia ada pekerjaan sampingan juga. Dia pergi memburu rusa dekat hutan dia kawan dengan landak. Itu nanti, nanti kita akan *citer* [cerita] lagi sikit nanti.

NNH : Apakah hobi beliau?

RAZ : Hobi beliau, dia suka kepada benda-benda yang cantik macam kalau biri-biri---. Biri-biri *tu* [itu] biri-biri yang diguna-- zaman dulu biri-biri diguna untuk berlaga. Dia punya tanduk *tu* [itu] berpulas-pulas tanduk *tu* [itu]. Biri-biri *tuk* [untuk] berlaga. *Tapi* [Tetapi] dia *tak* [tidak] berlaga dia bela saja. Jadi kalau jenis *aye jate* [ayam jantan], kalau *aye jate* [ayam jantan] laklok dia panggil. Bila berkokok, dia kokok sayup-sayup. Bila waktu pagi *tu* [itu] dia *mace* [macam] lebih *kure nok* [kurang nak] mengejutkan bangun subuh lah. Itu *aye jate* [ayam jantan] laklok.

NNH : Apakah kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh beliau dalam bersilat, memukat ikan, memburu, melaga ayam, bersyair dan kebijaksanaan dalam ilmu agama?

RAZ : Keistimewaan dia banyak lah. Bersilat *ni* [ini], dia *gini* [macam ini]. Dia Tok Selehor *ni* [ini] semasa dia tengah dia belajar agama di *Kampung Sabrina [Kelantan] dua* [2] tahun. Dia pun nak pergilah belajar di *Pattani [Thailand]*. Dia belajar di *Pattani [Thailand] tujuh* [7] tahun. Semasa di *Pattani [Thailand] ni* [ini], dia sebelum dia pergi *ni* [ini] dia dah pandai dia dah ada bakat. Bakat dia bersilat dah pandai, tomoi, main keris, main pedang. Jadi bila dia berjalan kaki, dia jalan-jalan kaki dah sampai *satu* [1] tempat mungkin ada guru silat yang *dok* [ada] tengah mengajar, dia berhenti belajar dulu, dia bukan terus pergi *Pattani [Thailand], tak* [tidak]! Dia macam merantau lah lebih *kure* [kurang] merantau lah. Jumpa guru silat dia belajar, sebab dia dah ada kepandaian dia cepat tamat. Pastu dia akan merantau lagi *satu* [1] tempat *satu* [1] tempat sehingga lah jumpa di *Pattani [Thailand]* jumpa Tok Guru, Tok Guru Agama lah.

Dari segi memukat ikan? Okay, memukat ikan macam *ni* [ini]. Bila dia pergi memukat ikan dia boleh kawan dengan ikan lumba-lumba *lepas tu* [selepas itu] biasanya tangkapan dia mesti banyak dan bila tangkapan banyak, dia *tak* [tidak] pernah jual dia bagi-bagi kepada orang. *Tu je* [Itu sahaja]. Satu *citer* [cerita] lagi, adalah anak murid dia *ni* [ini] dia dah niat pergi pasang pukat. Dia pasang pukat, dia kata “Kalau dapat ikan hari *ni* [ini] aku *nok* [nak] bagi ke Tok Guru”. Tapi dia pasang pukat hari *tu* [itu] ikan *tak* [tidak] dapat. Bila ikan *tak* [tidak] dapat jadi dia pun pergi curi lah dari pukat orang lain, anak murid dia *ni* [ini]. Bila curi

dari pukak orang lain, bawa balik dia kata sampai di jeti, “*Ni [Ini]* Tok Guru kita nak bagi ikan *ni [ini]*. Ikan besar *ni [ini]* dekat Tok Guru”. Tok Selehor *ni [ini]* *tau [tahu]* dah. Dia kata “*Takpe [tidak apa]* lah saya *tak [tidak]* makan ikan besar-besar. Saya makan *hok [yang]* kecil-kecil”. Jadi dia *tak [tidak]* ambik ikan yang curi *tu [itu]*. Itu keistimewaan dia.

Macam memburu *ni [ini]*, keistimewaan dia *ni [ini]* dia *gini [macam ini]*.

Memburu *ni [ini]* ada *satu [1]* cerita, burung belibis *tau dak [tahu tak]* burung belibis?

NNH : *Tak tau.* [Tidak tahu]

RAZ : Burung belibis *ni [ini]* lebih *kure mace [kurang macam]* itik laut. Dulu bila burung belibis *tu [itu]* terbang dia sekawan daripada laut dia akan terbang ke darat dia makan dengan ulat-ulat apa semua ulat *kecik [kecil]*, anak-anak ikan. Baru dia balik ke laut balik malam.

(Senyap) *Lepas tu [Selepas itu]* bila burung belibis nak balik ke laut ada lah anak murid kata “Tok Guru, Tok Guru ada burung belibis”. Jadi dia pun turun baru di dada senapang patah. Bila dah ada senapang patah, dia tembak burung okay *burung dengan sekawan mari [sekawan burung datang]*, dia tembak satu das *sembilan [9]* jatuh. Sebab *timoh [timah]* dalam peluru *tu [itu]* ada *sembilan [9]* biji, *sembilan [9]* lah *jatuh [burung belibis jatuh]*. Kita angkat mengikut ceritalah. Dia angkat macam biasa juga nak tembak *tapi [tetapi]* *sembilan [9]* sekali jatuh. *Pastu [Selepas itu]* anak-anak murid pun kayuh *bawok jabir [bawa plastik]* dekat dalam sungai. *Tu [Itu]* keistimewaan dia.

Macam berlaga ayam *ni gini* [ini macam ini]. Cerita berlaga ayam pula. Bila ada orang berlaga ayam dia *tak maroh* [tidak marah]. Okay, bila dia *tak maroh* [tidak marah] dia orang *sudoh* [sudah] berlaga, setiap kali berlaga dia akan rehat basuh, dia basuh *aye* [ayam] dia *ni* [ini]. Biasanya orang basuh dengan *tiga* [3] helai bulu masa dia *dok dale tekok tu* [duduk dalam tekak itu] *tiga* [3] helai. Tok Selehor ambik ayam *tu* [itu] basuh dengan *lima* [5] helai. *Lima* [5] kali bulu, *lima* [5] kali *lima* [5] kali. *Lepas tu* [Selepas itu] dia berlaga *belaka* [semua]. Dia *tak maroh* [tidak marah]. Berlaga-laga sekejap “okay berhenti-berhenti”. Sebab kalau berlaga-laga ayam *tu* [itu] akan luka. Dia tahu *doh* [dah]. Jadi secara *tak* [tidak] langsung anak murid jadi malu dengan sendiri. Jadi *mace* [macam] malu *aloh doh* [kalah dah]. Jadi daripada situ anak murid pun *tak* [tidak] berlaga ayam.

Macam syair *ni* [ini], saya kena bersyair ke?

NNH : (Ketawa kecil) Tak payah.

RAZ : Kalau saya nak syair saya kena *tengok* [lihat] buku [buku Tok Selehor] *tu* [itu].
Meh [bagi] sini saya syair sikit.

NNH : Boleh juga.

RAZ : Pandai lagi *kot* [agaknyanya] saya bersyair.

Syair *ni* [ini], keistimewaan syair dia kalau lah suami isteri *baloh* [bergaduh] gaduh, si isteri pun lari lah balik *umah mok* [rumah emak] dia. Dia hantar syair *je* [sahaja] isteri *tu* [itu] akan balik semula kepada *laki* [lelaki] *tu* [itu]. Sekadar

syair *je* [sahaja].

NNH : **Syair buatan sendiri?**

RAZ : Syair buatan dia.

Boleh syair ke saya?

(Bersyair)*Tiap malam kanda bermimpi,*

Adinda di tengah kanda ditepi,

Menghisap rokok meminum kopi,

Memeluk tengkuk mencium pipi,

Sedap rasanya tiada terperi,

Harum baunya umpama kasturi,

Suka dan hilang senang di hati,

Kasih mesra sehingga mati.

Ini adalah salah satu syair-syair dia lah. Mace [Macam] syair ‘Rasullah Menangis’ pun ada. Banyak syair-syair. Mana kena cari benda *tu* [itu]. Syair *tu* [itu] kalau kita baca pun kita menangis bukan setakat Rasulullah menangis. Itu keistimewaan dia dan dia pun diberi gelaran Tok Syair lah oleh ulama-ulama dulu *mace* [macam] Tok Kenali kawan dia.

Mace [Macam] kebijaksanaan dalam ilmu agama *ni gini* [ini macam ini]. Dia lebih kepada bila dia mengajar kitab, anak murid *ni* [ini] terlampau ramai *ni* [ini] sampai panjat pokok kelapa nak dengar. Dia biasa hari selasa dikawasan *ni* [ini] dia jadi macam pasar minggu gitu [macam itu] lah dengan orang jual beli, berniaga, menjaja tepi-tepi jalan di lorong nak ke surau. Di surau *tu* [itu] lah tapak *tu* [itu]. Yang sebenarnya surau *tu* [itu] dah tiga kali seingat saya hidup,

tiga kali dah di bina balik atas tapak yang sama. Sebab surau yang asal *tu* [itu] memang besar. Dua kali ganda dari surau yang ada. Besar lagi. *Lepastu* [Selepas itu] dia ada satu koridor terus ke jeti sungai, tepi sungai situ lah. Sebab dulu kebanyakan yang datang belajar *tu* [itu] menggunakan laluan laut, laluan air. Sebabnya mana ada kenderaan, keretapi *je* [sahaja] masa itu. Keretapi dah ada. Jadi *tu* [itu] yang laluan sungai *tu* [itu] maju *tu* [itu]. Jadi sungai ini pula dalam, bila sungai dalam kapal--mengikut cerita kapal bahtera eh kapal dagang. Sama ada bahtera ke Jong saya *tak* [tidak] tahu. *Tapi* [Tetapi] kapal dagang boleh mudik sampai di jeti, makna boleh keluar sampai ke laut. Dia memang dalam sangat. Lebih *kure* [kurang] dalam *tiga puluh* [30] ke *empat puluh* [40] kaki lah. Itu dari segi ilmu agama. Banyaklah ilmu agama [ni] ini sebab kita *tak* [tidak] -- kita anggap macam keberkatan-keberkatan lah. Macam dia masa dia *dok* [duduk] belajar di Pattani *tu* [itu] dia dapat keberkatan jalan kaki selaju angin. Bila dia jalan kaki kita *tengok* [lihat] dengan zahirnya dia jalan kaki, tapi selaju mana kita *tak* [tidak] tahu, selaju angin. Bila nak berhenti dia kena berpegang di pokok berpusing-berpusing baru boleh berhenti. *Brake* [berhenti] dia punya berhenti *tu* [itu]. Lajunya dia *jale* [jalan]. Sebab dia jalan kaki dari sini ke *Pattani [Thailand]* *tu* [itu] jauh dia lebih kurang 150 *kilo* [kilometer] pergi, balik pula 150 *kilo* [kilometer]. Dia dari sini ke Pangkalan Kubor *tu* [itu] *dua puluh* [20] *kilo* [kilometer], daripada seberang sungai daripada *Ta'bai [Thailand]* *tu* [itu] ke Naratiwat *tu* [itu] *tiga puluh lima* [35] *kilo* [kilometer], daripada Naratiwat ke *Pattani [Thailand]* 100 *kilo* [kilometer] jauh dia. Dia jalan kaki daripada sana dia turun lepas isya'. Dia balik rumah *ni* [ini] ambik *das* [secupak] beras.

Kebetulan ceritanya boleh tahu *tu* [itu] dia minta dengan Tok Guru tempat dia belajar, Tok Chaok *tu* [itu] Kampung Chaok masa *tu* [itu]. Tok Chaok *tu* [itu] saya *tak tau* [tidak tahu] nama sebenar dia. *Tapi* [Tetapi] dikenali dengan nama gelaran dengan tempat *tu* [itu], Kampung Tok Chaok.

NNH : Tok Chaok *tu* [itu] dekat Pattani ke?

RAZ : Dekat *Pattani [Thailand]*, Tok Chaok. Jadi dia cakap “Tok Ayah, Tok guru nak balik *ambik* [ambil]--” kebetulan dia nak buat majlis Maulidur Rasul masa sambutan. Jadi dia nak balik ambik beras, alat-alat bahan-bahan makanan lah kan. Dia balik rumah *ni* [ini] *ayah* [ayah] arwah saya cerita dia sampai lebih *kure* [kurang] dalam pukul 1.30 [pagi] *gitu* [begitu] lah. Daripada lepas isya’ dia jalan kaki sana. *Lepas tu* [Selepas itu] dia *ambik* [ambil] beras, ikan kering apa semua. *Jumpa isteri sekejap, turun sampai sempat sembahyang subuh sana.* [Dia balik sekejap jumpa isteri, dia bertolak dari rumahnya dan sempat sembahyang subuh di Pattani]. Jalan kaki, malam pula *tu* [itu]. Dia bila jalan kaki *tu* [itu] dia kena lalui *satu* [1] kawasan perompak darat dia panggil. Perompak darat *ni* [ini] di Bukit Tanjung di seberang Thailand. Perompak *ni* [ini] dia memang, *sape* [sesiapa] lalu dia memang samun *tapi* [tetapi] Tok Selehor lalu dia *tak* [tidak] samun. Mungkin *tu* [itu] keberkatan dia lah. Nama ketua perompak *tu* [itu] pula Hati Hitam.

(Marah) Dah lah jahat nama pun Hati Hitam. Jadi, mengikut ceritanya masa mula-mula sekali Tok Selehor nak pergi sana, nak pergi di Kampung Chaok, dia sampai kawasan Bukit Tanjung *ni* [ini] dia disekat oleh anak-anak buah Hati

Hitam lah. Jadi bila nak lawan dengan kekuatan Tok Selehor dah ada pandai silat apa semua kan. *Tak* [tidak] mampu. Jadi Hati Hitam *ni* [ini] gunalah kebijaksanaan ajak bawa balik rumah dia. Sudah makan-makan nasi, tidur. Masa Tok Selehor tidur *atah* [atas] rumah dia *tu* [itu], dekat *atah* [atas] bumbung *tu* [itu] dia letak *satu* [1] kayu balak besar dia *bubuh* [letak] kayu *taje –taje* [tajam-tajam]. Jadi bila dia lepas tali, kayu *tu* [itu] *tak* [tidak] jatuh. Allah punya kuasa, Tuhan punya kuasa. Jadi Hati Hitam *tak* [tidak] boleh buat apa-apa. Jadi daripada situlah Tok Selehor ulang-alik pergi mari pun *tak* [tidak] ada *sape* [sesiapa] ganggu. Jadi mungkin Hati Hitam fikir orang *ni* [ini] bukan calang-calang. Banyak lah keberkatan.

NNH : Apakah sejarah isteri pertama beliau dan anaknya?

RAZ : Dia bab ini saya pun *tak* [tidak] tahu sangat. Isteri beliau yang pertama dia kita panggil Yu ataupun Hajah Cik Som dan anaknya saya pun *tak* [tidak] pasti lah yang *ni* [ini]. Hajah Cik Som, *lepas tu* [selepas itu] anaknya dia dapat Abu Bakar dengan Muhammad, *dua* [2]. *Laki-laki* [Lelaki-lelaki]. *Lepas tu* [Selepas itu] anak beliau *ni* [ini] dia lebih kepada belajar agama dengan ayah dia lah. Dia *tak da* [tidak ada] kerja lain dah. Kerja-kerja kampung *gitu* [macam itu] lah. Zaman dulu lah. Kutip buah kelapa, memukat ikan, berburu. Macam itulah zaman dulu. Kalau nak kira, anak-anak dia *ni* [ini] *tak* [tidak] mewarisi apa yang dia ada. Selepas pada Tok Selehor meninggal dia bukan dapat dekat anak dia *tapi* [tetapi] dapat dekat anak murid dia yang paling bijak, cerdik, rajin dan pandai. Sebab anak dia *tak* [tidak] sampai macam *pikat* [peringkat] anak murid dia *tu* [itu]. Dia

tau [tahu] siapa yang akan ambil alih sebelum dia meninggal, dia bagi *tau* [tahu] dah. *Tu* [Itu] isteri pertama. Isteri kedua pula dia --- *tak* [tidak] dapat anak. Dia Tok Selehor *ni* [ini] dia ada *empat* [4] isteri. Pada satu-satu masa dia memang ada *empat* [4]. *Empat sokmo* [4 selalu]. Jadi dia duduk satu rumah. Jadi keempat-empat *tu* [itu] *sore je hok* [seorang sahaja yang] dapat anak, *duo* [dua][2] dapat anak lelaki. Perempuan *dua* [2]. Isteri yang pertama *tu* [itu] Yu ataupun Hajah Cik Som. Isteri yang kedua *tu* [itu] Mok Cik Jah. Isteri yang ketiga *tu* [itu] Yong. Yong *ni* [in] orang Negeri Sembilan, *tak* [tidak] dapat anak. Yang bongsu *tu* [itu] Mok Cik Jah. Saya tertukar *tu* [itu] Mok cik Jah ke Mok Su Jah. Dia dekat-dekat. Yong *tu* [itu] nama kawasan juga. Yang *tu* [itu] Hajah Cik Som. *Ore* [Orang] zaman dulu dia nama *gitu* [macam itu] lah. *Tapi* [Tetapi] Tok Selehor *ni* [ini] pada zaman hidup dia, dia nikah *sebelas* [11] kali. Makna *sebelas* [11] *ore* [orang] isteri. Bila cerai hidup ke cerai mati dia akan kahwin. *Tapi* [Tetapi] kebanyakan yang cerai hidup *tu* [itu] yang *tak* [tidak] dapat anak lah. Yang dapat anak *tiga* [3] orang *tu* [itu] lah. *Sorang* [Seorang] dapat *dua* [2] lelaki, *sorang* [seorang] *dua* [2] perempuan, *sorang* [seorang] *tu* [itu] dapat perempuan *sore* [seorang]. Yang ada *kat* [dekat] makam dia *tu* [itu], Tok Selehor, isteri dia dengan anak bongsu dia, Aisyah.

NNH : Makna dia takde mewariskan bangunan tu pada anak-anak dia.?

RAZ : *Tak-tak*. [Tidak] Dia wakafkan. Semua bangunan dia wakafkan. Tapak rumah *ni* [ini], tapak pondok *ni* [ini] semua dia wakafkan. Itulah.

NNH : Adakah benar tentang kesahihan beliau dan salah seorang isterinya berpisah? Nyatakan siapa dan mengapa beliau berpisah?

RAZ : Dia berpisah *ni* [ini] mungkin--dia *dua* [2] sama ada cerai hidup atau pun cerai mati. Dia memang ada berpisah. Sebab dia bernikah *sebelas* [11] kali. Dia kena ada *empat* [4] je [sahaja]. Jadi bila berpisah--sebab berpisah saya *tak* [tidak] tahu. Jadi cumanya dia berpisah dia akan ganti balik. Cukupkan *empat* [4]. Rumah dia, bilik bini isteri pertama, isteri kedua, isteri ketiga, isteri keempat. Sebaris.

NNH : Adakah benar tentang mitos penceritaan mengenai beliau boleh berkomunikasi dengan binatang?

RAZ : Berkenaan mitos. Saya pun anggap mitos sebenarnya. Mengikut ceritalah masa dia belajar dekat *Pattani* [Thailand] *tu* [itu], bila dia jalan kaki tengah malam nak balik ke *Pattani* [Thailand] dari sini 1.30. Dari sana lepas isya'. Bila sampai dekat Sungai Ta'bai *tu* [itu], nak seberang ke Pangkalan Hulu apa--dia *takde* [tidak ada] perahu *doh* [dah]. Jadi dia pun panggillah buaya. Naik atas belakang buaya. Ni buaya *sekor ni* [seekor ini] bukan banyak ekor. Naik atas belakang buaya pun, buaya pun seberang sampailah ke Pangkalan Kubur, jalanlah kaki balik. Bila nak balik kesana balik, naik buaya yang sama. Itu mengikut cerita-cerita itu lah diceritakan pada saya. Lepas daripada itu, bila sungai *ni* [ini]--saya pun anggap mitos juga sebenarnya. Ada mengatakan ada buaya putih dekat sungai ini. Yang sebenarnya buaya cerita *ni* [ini], dia ada *tiga* [3] ekor. Satu *sekor* [ekor] buaya putih, *sekor* [seekor] buaya tembaga merah, satu ekor buaya

tembaga hitam. Jadi dia *tiga* [3] ekor *ni* [ini], dia akan jaga sempadan. Kalau buaya putih *duk* [duduk] sini, buaya merah *duk* [duduk] sini, hitam *duk* [duduk] sini. Yang paling garang buaya tembaga merah. Yang *tu* [itu] memang garang. Jadi mengikut cerita mitos yang dikatakan boleh bercakap, saya *tak* [tidak] tahu lah kaedah dia bercakap *tu* [itu] macam mana *tapi* [tetapi] yang saya tahu mengikut cerita nya dia *ni* [ini], bila dia mandi waktu petang sebelum maghrib dia akan mandi dekat sungai. Kita ingat dia mandi biasa, rupa-rupanya dia *duk* [tengah] gurau dengan kawan *tu* [itu], dengan buaya dekat sungai. Jadi buaya putih *ni* [ini] --- dulu masa dulu dekat sungai *ni* [ini] bila kita *bawak* [bawa] lembu menyeberang, lembu *tu* [itu]--tahu kan lembu boleh *berene kei* [berenang kan]?

Lembu boleh *berene* [berenang], kuda boleh *berene* [berenang]. Kuda pandai *berene* [berenang]. Bila dia sampai tengah sungai, lembu *tu* [itu], *makin tenggelam lah ghaib* [makin tenggelam dan hilang], buaya yang tarik *kat* [dekat] bawah. Jadi bila benda *ni* [ini] kerap terjadi, jadi orang kampung, orang pondok, ahli orang pondok pergi lah *bagitau* [bagitahu] kat Tok Guru. “Tok Guru buaya *ni duk heret* [tengah tarik] lembu lah *kat* [dekat] dalam sungai”.

“*Takpe* [Tidak apa] lah” dia pun turun rumah dia pergi jambatan keretapi *tu* [itu] dia bawak batu sebiji. Dia pesan dia lebih *kure gini* [kurang macam ini] lah “Kalau lah batu yang aku baling *ni* [ini] timbul, ikut kau. Tapi kalau aku baling batu *ni* [ini] tenggelam, kau jangan usik apa-apa menyeberang, orang ke apa-apa *tak* [tidak] kiralah jangan usik! Kau hidup cara kau, ---” Jadi, Alhamdulillah dia baling batu *tu* [itu] tenggelam. Sebab saya pernah *tengok* [lihat] batu timbul. Batu

sungai *tu* [itu] kita baling *tu* [itu] dia timbul.

NNH : Batu kecil?

RAZ : Batu kecil. Timbul. *Tak* [tidak] tahu lah macam mana. Jadi benda *tu* [itu], sebab dia Tok Guru kemungkinan besar batu *tu* [itu] akan timbul. *Tapi* [Tetapi] alhamdulillah batu *tu* [itu] *tak* [tidak] timbul sampai sekarang pun alhamdulillah. *Tapi* [Tetapi] kita tahu sungai *ni* [ini] ada buaya. Sungai ada buaya, udang galah pun banyak. Biasanya udang galah banyak, adalah buaya. Dia sama *kei* [kan], dia dekat-dekat habitat hidup yang sama. Jadi alhamdulillah *tak* [tidak] kacau. Cumanya jangan cakap besar, jangan basuh kawah, jangan basuh kelambu. *Tu* [itu] cerita-cerita buaya. Sebabnya kelambu *ni* [ini] menyerupai perut buaya, usus dia.

Kawah *ni* [ini] secara logiknya, kawah *ni* [ini] bila santan putih, beras putih, bila jadi asyura hitam *tak* [tidak]?

NNH : *Haah.* [Ya]

RAZ : Jadi bila kita basuh kawah dekat sungai, dia takut air sungai itu hitam, dia susah nak cari makan. Logik lah logiknya *gitu* [macam itu]. Jadi kelambu *ni* [ini] macam *gini* [ini], bila dia *hantar* [baling], dia kelambu *ni* [ini] dia jadi macam kantung. Bila--rambut *tu* [itu] duduk setempat, satu kantung. Usus-usus dia *dale* [dalam] usus dia. *Tule duk* [tulung duduk] setempat, *bare* [barang] emas, besi, cincin apa *duk* [duduk] setempat. Jadi bila kita berus kelambu dia anggap macam kita berus perut dia. *Tu* [itu] dia marah *tu* [itu]. Mana-mana sungai pun *lagutu*

[macam itu] lah. Sebab pernah terjadi, bukan sungai *ni* [ini] lah, di sungai Jertih saya ingat. Sungai jertih *tu* [itu], dia basuh kawah dia, sudah-sudah [buat] asyura dia turun sungai basuh kawah, *duo* [2] *ore* [orang]. Jadi dia kata “aku nak bawa naik *semayang* [sembahyang] asar lah.” Dia naik *atah* [atas] rumah sembahyang asar dia angkat takbir “Allahuakhbar!” Dengar *member* [kawan] dia kata “Allahuakhbar!!” Ghaib dengan kawan-kawan dengan *ore deret* [orang berhampiran]. Itu memang dia marah. Pantang disitu. Sekarang pun ada *satu* [1] cerita daripada anak cicit sedara. Sebabnya Tok Selehor *ni* [ini] *banyak* [banyak] ilmu kepada ilmu yang kemanusiaan, *binate* [binatang] dengan macam mana-- dia banyak cabang ilmu dia. Cabang *bila kearah bila berkait komunikasi dengan binatang apa semua* [Keistimewaan berkomunikasi dengan haiwan], cicit sedara dia dapat. Daripada anak sedara, dapat ke cucu sedara, dapat cicit sedara. Dia lebih gemar kepada *binate-binata* [binatang-binatang] lah. Hobi dia *tu* [itu] kebanyakan hobi Tok Selehor. Biri-biri, kuda, *aye* [ayam]. Jadi, dia selalu dapat mimpi. Mimpi daripada buaya. Buaya putih *ni* [ini] yang kita anggap mitos *tu* [itu] bila dia nak sesuatu dia bagi mimpi kepada seseorang *tu* [itu] biasanya *tiga* [3] malam berturut-turut. Ataupun malam *ni* [ini], malam esok *tak* [tidak], malam lusa. Biasanya dia akan mimpi bagi mimpi. Dia kata “Aku nak *make aye* [makan ayam] putih.” Dia akan *oyak* [cakap]. “Cari *aye kampong hok* [ayam kampung yang] putih, sembelih, *gi* [pergi] *tahuk* [letak] mana-mana.” Dia ada *satu* [1] tempat di pokok *rede* [rendah] pokok jawi *kito* [kita] panggil. Biasa kita *tahuk* [letak] situ lah. Jadi bila dia bagi mimpi, kita pun *gi* [pergi] cari *aye* [ayam], kalau *tu* [itu] lah si cicit sedara *tu* [itu] *gi* [pergi] cari *aye* [ayam]. Dia

lempar [baling] situ sekejap dia akan sedut *aye* [ayam] *tu* [itu]. Kita *tak* [tidak] nampak dia, *tapi* [tetapi] dia akan sedut *aye* [ayam] *tu* [itu] *takpe!* [Tidak apa!] Sebab nak dalam *tiga* [3] *empat* [4] tahun bila dia nak sesuatu. Binatang *ni* [ini] panjang lagi cerita dia. Dari segi dia pergi memukat ikan di laut, dia boleh kawan dengan ikan lumba-lumba. Yang kita boleh kata dia kawan ikan lumba-lumba sebabnya bila Tok Selehor mati, ikan lumba-lumba datang ziarah. Hari *ni* [ini] mati, petang *karang* [nanti] ikan lumba datang timbul tenggelam. Dekat sungai *ni* [ini]. Daripada ikan air masin *nuh* [sana] dia mari masuk air tawar. Timbul tenggelam pagi malam petang *ni* [ini], *pastu* [selepas itu] pagi esok timbul tenggelam timbul terus *tak* [tidak] keluar *tak* [tidak] masuk. Itu yang dekat laut. Yang dekat *hute* [hutan] dia kawan dengan landak. Masa lepas dia meninggal, *ore* [orang] pondok *ni* [ini] ada pernah terserempak dengan landak. Landak pun *tuo* [tua] dah duri pun *tak dok* [tidak ada]. Mungkin landak *tu* [itu] sebaya dengan dia *zame* [zaman] dulu. Mungkin *dale hute* [dalam hutan] dia kawan dengan landak. *Tu* [itu] yang kita kata dia berkawan dengan landak. Dia pula ada *sekor* [seekor] kuda *meroh* [merah]. Kuda *ni* [ini] dia beli di *Bangkok [Thailand]*. Kuda *ni* [ini] kuda *betino* [betina] kuda *meroh* [merah] kita panggil. Dia panggil kuda *meroh* [merah]. Jadi kuda *ni* [ini] keistimewaan dianya kalaulah kita naik *atah belake dio bawok* [atas belakang dia bawa] air *dale glass* [dalam cawan kaca] penuh, bila kuda lari air *tu tak* [itu tidak] tumpah. Sama nya dia lari. *Lepas tu* [Selepas itu] bila kita nak *gi* [pergi] mana-mana tempat yang kuda *tak* [tidak] pernah pergi. Kita naik *atah belake* [atas belakang] kuda, Tok Selehor pun tepuk punggung kuda *tu* [itu] akan *gi* [pergi] berhenti lah

rumah *hok* [yang] tempat yang kita niat nak *gi tu* [pergi itu]. Walaupun kuda sendiri *tak* [tidak] pernah *gi* [pergi], kita pun *tak* [tidak] pernah *gi* [pergi] *tapi* [tetapi] kuda tahu.

Sehingga lepas dia meninggal, kuda *ni* [ini] *gi* [pergi] lah tambat mana-mana, *dia* [tali] akan *putuh* [putus]. Kuda *ni* [ini] akan mula *triok* [menangis] dikubur Tok Selehor setiap hari dan dia juga ada bela biri-biri. Dia dulu banyak ke arah *gini* [macam ini] lah Tok Selehor. Biri-biri *ni* [ini] Biri-biri *hok* [yang] comel tadi lah. *Satu* [1] cerita biri-biri dia tambat bawah rumah. Adalah ada *ore* [orang] nak curi biri-biri dia. *Ore tu* [Orang itu] masuk bawah rumah *tu* [itu], tiba-tiba *ore tu perase* [orang itu perasan] dia *duk* [tengah] berenang dalam laut. Jadi bila bunyi *gegey kei* [bising kan] bunyi bising-bising, Tok Selehor pun turun lah, bawah pintu punya tanah. “*Bakpo ni* [kenapa ini]?” Ajak *kawe tu* [kawan itu] naik rumah dia, kejut bini dia *suh* [suruh] buat air kopi, *suh* [suruh] minum air kopi *tu* [itu]. *Sudoh* [sudah] minum air kopi *tu* [itu], dia pun kata “*Mari* [Datang] mana?” *Ore tu* [Orang itu] kata “Saya mari *nok* [nak] tengok biri Tok *ayah* [Ayah] tapi *tok kabar-kabar* [tidak sedar-sedar] saya *duk dale* [duduk dalam] air” “*Takpe* [Tidak apa] lah. Pergi baliklah.” Dia *tak maroh* [tidak marah]. *Tu* [Itu] lah keistimewaan dia. *Tu* [Itu] lah sedikit sebanyak.

NNH : Adakah benar beliau pernah memelihara seekor buaya putih dan melepaskannya di sungai selehor untulk menjaga keamanan sungai?

RAZ : Saya *kato buke pero* [kata bukan peliharaan] tapi *gak dio saing* [juga dia kawan] *Tu* [Itu]--asal usul *sayo tak* [saya tidak] tahu. *Tapi* [Tetapi] buaya *tu* [itu] ada dan saya pun anggap mitos sebab saya pun *tok se jupo* [tak nak jumpa]. Kalau *jupo raso* [jumpa rasa] ibarat kata buaya *tu* [itu] kalau naik atas darat, perut *dio* [dia] kita langkah *tak* [tidak] lepas. Besarnya! Jadi kita--perut dia kita duduk *dale ni* [dalam ini], nak langkah sebelah sana *tak* [tidak] lepas. Akan pijak jugak perut belah sana. Besar *tak* [tidak] besar. Waallahualam lah. Cuma saya *tak* [tidak] tahu asal usul *tu* [itu] mari *mano* [mana].

NNH : Bolehkah encik ceritakan serba sedikit adakah sahik tentang ikan yu yang singgah di tepi sungai selehor atau ikan lumba-lumba yang encik ceritakan tadi?

RAZ : Cerita *ni* [ini] ikan lumba-lumba *ni* [ini] bila dia meninggal, baru kita boleh tahu kesahihan dia. Kalau betul lah ikan lumba *ni* [ini] adalah kawan dia semasa dia ada.

NNH : Ikan lumba-lumba lah bukan ikan yu?

RAZ : Ikan lumba-lumba. Cuma dalam buku *tu* [itu] ikan yu lah. Jadi ikan yu.

NNH : Bolehkah encik cerita kisah kesulitan beliau untuk menuntut ilmu di Pattani disebabkan oleh halangan daripada lanun?

RAZ : Okay cerita macam lanun tadi *kei* [kan]. Dia asal usul--saya cerita daripada kecil. Dia *ni* [ini] seorang yang banyak bakat, Tok Selehor. Nak boleh cerita pasal lanun. Jadi dia pun nak *gi* [pergi] lah *ngaji* [belajar] di *Pattani [Thailand]* *dok* [tak] pun *gi* [pergi] lah rumah *tok* [atok] dia di Kampung Kelah, Tumpat. Dia kata “Tok, kita *nok gi ngaji tani* [nak pergi belajar Pattani] *ni* [ini], kita *nok* [nak] pergi belajar *Pattani [Thailand]* bersaksikan tuhan dengan *tok* [atok] jah [sahaja]. *Ore lain sume tak* [Orang lain semua tidak] tahu.” *Tok* [atok] dia kata “*Takpo*, [Tidak apa] lah *mu gi* [awak pergi] lah”. Tok dia pun masuk dapur *ambik* [ambil] duit *dale* [dalam] guni beras, dia pun *tadoh* [menadah] *kain lepah buh* [kain pelikat letak] duit simpul-simpul sangkut bawak keris sebilah. Jalan-jalan selamat sampai lah di Bukit Tanjung tempat lanun tadi lah. Sampai Bukit Tanjung *ni* [ini], lanun *ni* [ini] dia tahu.

“*Ore mari mano tu?* [Orang datang mana itu?], *dio kato* [dia kata]. *Loni* [Sekarang] dia lanun *tu* [itu], ketua lanun *tu* [itu] dia *mace ore* [macam orang]--*namo* [nama] Hati Hitam *tu* [itu] tadi lah. *Namo* [Nama] Hati Hitam itu *aroh anak-anok* [mengarah anak-anak] buah dia *marilah* [datang] sekat. Dia disekat dia *tanyo* [tanya] “*Mu nok gi mano?* [Awak nak pergi mana?]” Kata “aku *nok Tani* [pergi Pattani].” “*Gapo tu bawoh* [Benda apa itu bawah]?” ”Keris.” Jadi bila keris *tu* [itu] --dia cabut keris dia hunus. Jadi kalau *ore* [orang] masuk dia *tike* [tikam]. Jadi lanun *ni* [ini] dia *buke* [bukan] pandai silat pun *tapi banyak ore kei* [tetapi banyak orang kan]. *Dio agah* [Dia sombong] lah. Bila sombong dia

berani *lawe* [lawan]. Bila dah hunus *tu* [itu] dia *tak* [tidak] berani *nok lawe* [nak lawan]. *Tak* [Tidak] berani *nok lawe tu* [nak lawan itu] lah dia balik *oyak* [cakap] ke tuan dia Hati Hitam *tu* [itu]. Jadi Hati Hitam *tu* [itu] sendiri yang turun. Turun datang *tu* [itu] barulah dia buat *mano* [mana] dia *nok* [nak] muslihat cara baik lah. Ajak Tok Selehor balik rumah. *Sudoh semaye* [Sudah sembahyang] maghrib *gapo* [benda] semua *doh make-make* [dah makan-makan], tidur lah Tok Selehor. Ajak Tok Selehor tidur rumah dia. Masa *tu* [itu] lah dia pasang perangkap, *maso* [masa] Tok Selehor tidur *atah tu* [atas itu] dia *tahuk* [letak] kayu balak yang *buh* [letak] kayu *taje* [tajam]. Bila dia lepas tali, *meme* [memang] secara logiknya kayu itu akan jatuh lah. Tapi kuasa *tuhe* [tuhan] tali *tu* [itu] *tak* [tidak] jatuh. Jadi Hati Hitam *ni* [ini], ketua lanun *ni tak* [ini tidak] boleh buat *gapo-gapo* [apa-apa]. Jadi dia pun terpaksa lepas gitulah Tok Selehor. Jadi daripada situ lah perjalanan Tok Selehor ke *Pattani [Thailand] tu* [itu] ulang-alik *tak* [tidak] ada siapa kacau. Sebab di Bukit Tanjung *tu* [itu], memang lanunnya *tu* [itu] mashyur. Hati Hitam *tu* [itu] mashyur. *Tapi* [Tetapi] Tok Selehor tempuh juga. Berani tempuh juga.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: SEJARAH PENDIDIKAN TOK SELEHOR

NNH : Seterusnya kita akan beralih ke sesi pendidikan dan pelajaran Tok Selehor.

Bagaimanakah sejarah pendidikan beliau?

RAZ : Mula-mula sekali dia *ni* [ini] masa dia mula-mula *nok* [nak] belajar umur *tujuh puluh ene* [enam] [76] dia kawin *doh* [dah]. Jadi dia belajar di Sungai *Pine* [Pinang] dengan Tuan Guru Haji Abdul Malik selama *dua* [2] tahun *tapi* [tetapi] dia belajar sekadar Bahasa arab *saja* [sahaja]. Jadi daripada situlah, daripada Tok Guru Haji Abdul Malik *ni* [ini] lah mengatakan bahawa ada Tok Guru di Pattani di Kampung Chaok *tu* [itu]. Jadi dia pun niat *nok* [nak] belajar sana lah. Daripada situlah dia pada berkampung dengan Tok Ayah dia *tu* [itu]. Dia belajar di Sungai *Pine* [Pinang]. Bila belajar di Sungai *Pine* [Pinang] masa *tu* [itu] ada satu kejadian *ado ore bekwah* [ada orang kenduri] di Kampung Laut. Sebelah *tu* [itu] Kampung Laut sana *tu* [itu], Kampung Laut. Jadi dia *gi* [pergi] lah tempat *bekwah* [kenduri]. Dia *ni* [ini] *anak* [anak] Tok Guru Quran. *Mok* [mak] dia *ngajor* [mengajar] Quran. *Ayoh* [Ayah] dia *ngajor* [mengajar] Quran. *Mok* [Mak] dia *ni ore bekeng* [ini orang garang]. Mek Wi *Bin* [Binti] *Senin ni meme ore gare* [ini memang orang garang]. Jadi *anak* [anak] Tok Guru Quran *gi duk* [pergi duduk] silat tempat *ore bekwah* [orang kenduri], tempat kenduri. Apa lagi, *maroh* [marah] lah *mok* [emak] nya. Jadi balik umah, balik umah *tu* [itu] lah *mok* [emak] dia *maroh* [marah]. Jadi dia *tak* [tidak] berani naik *atah* [atas] rumah *tu* [itu] dia pergi Kampung Kelah *oyak* [cakap] ke atok dia *tu* [itu]. Peringkat awalnya, *tok* [atok] dia *sore je* [seorang sahaja] tahu. Daripada situ dia

gi [pergi] lah belajar di *Pattani [Thailand]* di --dengan Tok Guru Haji Abdul Rashid Kuala Bekah. Ataupun Tok Chaok lah. *Tapi* [Tetapi] disebabkan *kei* [kan] Tok Guru Haji Abdul Rashid *ni* [ini] dia ajar ilmu *doh* [dah], anak murid ramai dah berapa ramai. Makin ramai makin ramai. Jadi *kade tak hile tu*, [kadang tidak hilang itu] takut timbul pergerakan luar diri. Dia culik lah, tahu *tak* [tidak] tahu pergi *mano tak hile* [mana tidak hilang] asal usul, lepas pada belajar *tujuh* [7] tahun. Daripada situ dia balik semula ke Kampung *ni* [ini] Kampung Selehor. *Lepas tu* [Selepas itu] baru lah dia uruskan pelajaran di *Mekah [Arab Saudi]* dengan (memikir) Tok Guru Haji. Saya *tak* [tidak] ingat iaitu seguru dengan Tok Kenali. Dia dengan Tok Kenali *ni* [ini] belajar dengan guru yang sama di *Mekah [Arab Saudi]* di Masjidil Haram lah. Selama *lapan belas* [18] tahun. Di samping belajar ilmu agama, beliau juga belajar berperang. Apa yang dia belajar *tu* [itu] semua Sunnah nabi. Nabi berperang berkuda, dia belajar berperang berkuda. Memanah berkuda, belajar berpedang, memanah. Semua ilmu yang *hok* [mana] Nabi dulu dia ajar dia belajar. Dia lebih kepada itu. Dan dia juga minat kepada sastera lah. Dia juga cenderung kepada ‘Hikayat Syair Siti Zubaidah’. Macam syair-syair *tu* [itu] dia yang buat sendiri. Tapi syair *tu* [itu] lebih *kure mace* [kurang macam] bernilai lah sebab ada tujuan dia *mace* [macam] ‘Isteri-Isteri Lari’, isteri akan balik. Balik sekadar hantar syair atas kertas sekeping *je* [sahaja]. Bila isteri baca, kita *tengok* [lihat] pada dasarnya ayat kertas biasa *dih* [kan]. Tapi *tak* [tidak] tahu lah macam mana. Mungkin ilmu dia *deh* [ya]. Waallahualam *deh* [ya] itulah sedikit sebanyak tentang pelajaran dia.

NNH : Bidang ilmu apakah yang ditumpukan oleh beliau dalam ilmu agama contohnya ilmu fiqh?

RAZ : Ilmu fiqh?

NNH : Haah Ilmu Fiqh.

RAZ : Ilmu Fiqh *ni* [ini] umum, dia lebih kepada Tasawwur Tarikat. Dia menggunakan ‘Kitab Ilmu Ibnu Itailah’. ‘Kitab Hitam’ oleh Ibnu Itailah merupakan kitab yang paling sohor lah diajar pada anak-anak orang ramai. ‘Kitab Mussoli’ juga yang dikarang balik oleh Tok Selehor *ni* [ini] juga digunakan dipinjam oleh Tok Kenali untuk ajar anak-anak murid dia. Sebab ‘Kitab Mussoli’ dikarang balik *tu* [itu] pada zaman dia *tu* [itu] lengkap, dia karang balik jadi lengkap, *tu* [itu] yang Tok Kenali pinjam untuk ajar.

NNH : Dimanakah beliau mendapat pendidikan semasa menuntut ilmu agama? Di mekahkah?

RAZ : Di *Mekah [Arab Saudi]* lah. Makna selain ilmu agama, ilmu lain pun dia belajar juga. Selain dari ilmu agama. Contohnya ilmu macam tadi lah berpedang, main keris, main pedang, silat, tomoi. Tomoi *tu* [itu] dia belajar di Thailand. Masa *tu* [itu].

NNH : Siapakah guru yang beliau menimba ilmu sebelum menjadi ahli ulama yang masyhur?

RAZ : Tok Guru Haji Abdul Rashid daripada Kuala Bekah. Kampung Chaok Kuala Bekah. *Pastu* [Selepas itu] Tuan Guru Haji Abdullah Benang Jong. Dia pun daripada guru-guru dia lah. Antara guru-guru dia, Haji Abdul Malik di Masjidil Haram. Haji Abdul Malik saya rasa. Guru yang sebelum dia boleh jadi ulama. Situ dia belajar paling lama *lapan belas* [18] tahun.

NNH : Adakah Tok Kenali merupakan guru Tok Selehor dan juga sahabatnya?

RAZ : Tok Kenali bukan guru *tapi* [tetapi] sahabat baik. Sebab dia sama-sama belajar dekat *Pattani [Thailand]*, dekat *Mekah [Arab Saudi]* *lepas tu* [selepas itu] balik dari *Mekah [Arab Saudi]* masing-masing buka pondok. Tok Kenali buka pondok dekat Kampung Kenali di Kubang Kerian. Tok Selehor buka pondok di Kampung Selehor. Anak murid pun sama-sama ramai.

NNH : Adakah beliau mempunyai murid yang menjadi ilmuwan yang terkenal?

RAZ : Ramailah. Macam Haji Abbas, anak murid yang ambil alih pondok selepas Tok Selehor meninggal. *Lepas tu* [selepas itu] Haji Che Mamat Sharif. Haji Yaakob yang buka pondok sekarang masih ada lagi pondok di Kampung Berangan. Haji Abdul Rahman dekat Kampung Cabang Tiga Berangan. Ayah Mat Pohon Tanjong. Saya panggil Ayah Mat. Haji Muhamad Pohon Tanjong. *Tu* [itu] nama dia. Kira ulama-ulama juga *tu* [itu].

NNH : Adakah Tok Selehor mempunyai murid selain penduduk tempatan?

RAZ : Ya. Murid dia adalah seluruh nusantara daripada Brunei, Johor-Riau, Sumatera. Yang negara-negara Malaysia *ni* [ini] semua termasuk *Pattani [Thailand]*, Thailand. Lepas *tu* [itu] *Kalimantan [Indonesia]*, Sabah Sarawak pun ada. Ramai lah.

NNH : Selain beliau belajar ilmu agama, apakah ilmu lain yang dipelajari oleh beliau? Contohnya, syair, pantun ataupun bersajak.

RAZ : Dia syair, pantun, bersajak *ni* [ini], ilmu dia belajar lah. Ilmu-ilmu yang dia ajar dia belajar juga. Bila dia baca kitab ‘Hikayat Siti Zubaidah’, semua anak murid dia akan menangis. Sedihnya cerita *tu* [itu]. Makna dengan bila dia baca dengan suara dia, anak murid pun boleh menghayati sama macam dia baca. Benda-benda macam benar-benar terjadi.

NNH : Contohnya apabila beliau mengarang syair ataupun pantun, dari manakah atau ilham adakah dari pengalaman beliau untuk mengarang?

RAZ : Kebanyakan daripada pengalaman beliau lah. Macam ‘Syair Nabi Menangis’ pun daripada idea *tu* [itu] daripada dia rungkai sendiri lah. Ilham pun daripada beliau.

NNH : Apakah gelaran yang diberikan kepada beliau diatas kepandaian beliau mengarang syair?

RAZ : Dia diberi gelaran Tok Syair oleh kawan-kawan seperguruan dia lah. Sebab syair yang dibaca *tu* [itu] adalah betul-betul ibarat kata benda *tu* macam betul-betul terjadi. Macam *real* [betul] lah orang kata. Syair dia macam *tu* [itu].

NNH : Apakah bakat yang dimilikinya sehingga dikenali ramai dengan panggilan Tok Syair?

RAZ : Bakat dia mengarang syair lah. Mengarang dan membaca syair sehingga anak murid dia dengar pun menangis.

NNH : Adakah beliau mewarisi ibubapanya yang juga digelar Tok Syair?

RAZ : Ibu bapa dia bukan Tok Syair. Ibu bapa dia Tok Guru Quran.

NNH : Mak dia pun bukan?

RAZ : Mak dia bukan. Tok Syair hanya pada dia *saja* [sahaja].

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PEKERJAAN AWAL TOK SELEHOR

NNH : Beralih ke sesi seterusnya iaitu mengenai pekerjaan awal Tok Selehor.

Bilakah beliau digelar menjadi ahli ulama terkenal?

RAZ : Dia menjadi ahli ulama terkenal *ni* [ini], saya cuma *tak* [tidak] pasti sebab dia *start* [mula] belajar umur *dua puluh enam* [26]. Jadi dia pergi *Pattani [Thailand]* dalam *tujuh* [7] tahun, balik pergi *Mekah [Arab Saudi]* *pulok* [pula] *lapan belas* [18] tahun. Dia masa *ni* [ini] umur *dua puluh enam* [26] dia kahwin dah, dia pergi *Mekah [Arab Saudi]* dia kahwin *pulok* [pula] di *Mekah [Arab Saudi]* masa *tu* [itu] dengan Moku Joh. Moku Joh *ni ore come* [ini orang comel] dekat sana, itu yang jadi *gitu tu* [macam itu]. *Lepas tu dia balik tu jadi bila dia digelar ahli ulama terkenal, dia balik selepas pada dia mula balik bukok pondok masa itu baru terkenal.* [Selepas dia balik dari Mekah, dia membuka pondok dan masa itu barulah digelar ahli ulama terkenal.]

NNH : Dimanakah beliau menyebarkan dakwah beliau?

RAZ : Dia menyebarkan dakwah *ni* [ini] di kampung asal beliau la dengan cara membuka pondok. *Dan pondok yang dia bukok tu, penghuni dia ahli penghuni pondok ni seluruh nusantara yang datang sebab benda ni cuma dia macam dari mulut ke mulut.* [Selepas pondok dibuka, ahli penghuni pondok ini terdiri daripada seluruh nusantara dan berita ini hanya disebarkan dari mulut ke mulut sahaja.] *Ore yang pernah datang sini balik cerita makin ramai yang datang, balik lagi cerita makin ramai yang datang.* [Orang yang pernah datang sini akan

balik bercerita kepada orang kampung mereka dan makin ramai yang akan datang.] Sampai siap berkampung di sini terus sebab zaman *dulu-dulu* [dahulu], pondok yang ada *ni* [ini] dalam 500 *biji* [buah] pondok dalam kawasan pondok.

NNH : Kawasan seluruh kawasan *ni* [ini] la?

RAZ : Boleh rehat *kejap* [sekejap] *tak* [tidak]? *Deh* [ya]? Nanti kita bincang-bincang kita jawab *pulak* [pula].

RAZ : Okay boleh *start* [mula]. *Start deh* [Mula ya]?

NNH : *Haah* [Ya].

NNH : Adakah beliau menjadi Tok Guru mengaji di kampung beliau?

RAZ : Ya, memang dia Tok Guru mengaji la. Dia bukan Tok Guru mengaji, mak ayah dia yang Tok Guru mengaji, Tok Guru mengaji Quran. Dan dia *ni* [ini] lebih kepada ilmu kitab ‘Kitab Hikam’. ‘Kitab Hikam’ bab sembahyang *je* [sahaja], ‘Kitab Faridah’, kitab ada banyak kitab yang dia mengajar.

NNH : Dimanakah beliau menjadi tokoh guru pondok yang terkemuka?

RAZ : *Di sini la, di kampung dia, asal dia, kampung ibubapa dia.* [Di sini la, di kampung asal dia dan juga merupakan kampung ibubapa dia.] Daripada sinilah dia *berkembang-berkembang-berkembang* [berkembang] sebab *bila* [apabila] seluruh nusantara *ni* [ini] luas *kei* [kan]. Nusantara [iaitu] Malaysia, Brunei, *Kalimantan* [Indonesia], Indonesia, *Sumatera* [Indonesia] masuk, *Jawa*

[Indonesia], *Siak* [Indonesia]. Jadi mereka tahu bahawa Selehor *ni* [ini] satu tempat pengajian agama sebab kadang-kadang yang jalan suluk *tu* [itu] dari Brunei pun ada. Saya kata, “Eh daripada Brunei, mana tahu?” Dia kata, “Dulu moyang dia pernah belajar sini.” Terkejut la saya! *Tu* [Itu] saya kata, apa yang buku cerita *ni* [ini] benar la sebab bukti dipanggil *based evidence* [berdasarkan bukti] bukti *tu* [itu] nyata, [dan] jelas.

NNH : Adakah beliau menjadi Tok Guru mengaji di kampung beliau?

RAZ : Dia lebih kepada kitab. ‘Kitab Hikam’ yang dikarang oleh Ibnu Wataillah lebih kepada Tasawwuf. Dia banyak karang kitab la antaranya adalah ‘Kitab Tasawwuf’. Dia guru mengaji *ni* [ini] peringkat ibu bapa dia dulu *tu* [itu] guru. Tok Guru mengaji Quran.

NNH : Selain pusat pengajian pondok Tok Selehor, dimanakah tempat beliau mengajar mengaji?

RAZ : Dia di sini --- mengajar *eh* [ke]?

NNH : Ya mengajar.

RAZ : Lebih kepada sini, dia mengajar setiap hari selasa. Hari selasa *tu* [itu] memang yang orang pondok yang hadir sini pun dah ramai dah, yang baru datang sekadar datang balik, kira datang belajar-belajar dengar-dengar balik pun ramai. Sini la tempat dia. Dia bukan macam zaman sekarang, zaman sekarang Tok Guru *tu*

[itu] *ngajar situ* [mengajar di situ]. *Tak tak!* [Tidak!] Dia mengajar *satu* [1] tempat *je* [sahaja]. Cuma anak murid yang datang, bukan Tok Guru yang pergi *tu* [itu] *tak* [tidak], anak murid yang datang sini.

NNH : Apakah pekerjaan beliau selain menjadi ahli ulama dan Tok Guru mengaji?

RAZ : Dia *gini* [begini]. Dia pekerjaan *tu* [itu] dia lebih kepada hobi. Ia merupakan pekerjaan tetap la, macam memburu, *tangkap* [menangkap] ikan, *bela* [membela] binatang. Pada zaman *dulu* [dahulu], *bila* [apabila] seseorang Tok Guru, dia *tak* [tidak] perlu fikir dah bab-bab makanan harian untuk sara hidup dia la. Cumanya sebab apabila bila Tok Guru, anak murid yang banyak datang sedekah. Kadang-kadang rumah Tok Guru *ni* [ini] *banyak* [banyak makanan] daripada rumah anak murid. Musim buah *bawa datang buah ini* [mereka bawa datang buah seperti] buah durian dan buah manggis. Musim biasa mereka *gi* [pergi] *pukat* [memukat] ikan bawa balik. Tok Guru yang utama bukan keluarga yang utama. *Bagi Tok Guru dulu, yang lebih-lebih tu baru kita makan.* [Mereka mendahulukan Tok Guru dulu, yang lebih-lebih hasil memukat ikan tadi baru bawa balik rumah untuk makan.] Jadi Tok Guru takkan berlapar la, jadi begitulah (ketawa). Okay.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: SEJARAH BANGUNAN

NNH : Baiklah. Mari kita mulakan dengan sesi utama temuramah ini iaitu maklumat mengenai bangunan-bangunan yang dibina oleh Tok Selehor. Apakah bangunan bersejarah yang dibina dan ditinggalkan oleh beliau?

RAZ : Bangunan bersejarah yang ditinggalkan oleh beliau banyaklah. Yang pertama telaga besar, telaga besar *tu* [itu] dibina tahun 1343 Hijrah, *ada lagi tertulis dekat* [masih ada tertulis dekat telaga itu] --- dan telaga *tu* [itu] juga yang menampung air minum warga pondok pada waktu dulu. Dan masih diguna sampai sekarang dan juga *tak* [tidak] pernah kering. Manakala mata air dia lebih banyak mata air daripada mata air telaga-telaga lain, memang banyaklah. Biasanya kalau telaga tepi sungai *ni* [ini], mata air dia akan jadi sama taraf dengan air sungai *kei* [kan], *ni tak* [ini tidak] dia lebih tinggi dari air sungai. Mana banyaknya, mungkin keberkatan daripada tok guru Tok Selehor sendiri yang gali. Itu *satu* [1], yang keduanya tapak surau sekarang adalah daripada tapak asal la, cuma kesan peninggalannya kolah. Kolah depan surau *tu* [itu] ada kolah yang berbentuk *hexagon* [heksagon]. Kolah, telaga tepi kolah *tu* [itu], *lepas tu* [selepas itu] tapak rumah Tok Selehor yang mana sekarang *ni* [ini] cuma tinggal tangga dan kolah untuk basuh kaki. Dia ada *dua* [2] kolah situ dekat *bowoh* [bawah] pokok jambu *tu* [itu], *satu* [1] untuk kolah basuh kaki, *satu* [1] lagi kolah untuk ambik air sembahyang yang bujur macam telur sikit *tu* [itu].

RAZ : Perasan *tak* [tidak] dekat rumah--? Dekat *rumah* -- [rumah orang kampung]?

NNH : *Hoktu tu tok tengok* [Yang itu tidak lihat], yang basuh kaki *tu je* [itu sahaja].

RAZ : *Basuh kaki tu* [Tempat basuh kaki itu] dia menggunakan sistem pengairan pam. Pam tangan *kito* [kita] panggil *gohek-gohek* [pam]. *Jadi dia ada telaga dekat tu kei, daripada telaga tu dia pam-pam terus masuk dalam kolah.* [Jadi telaga yang ada dekat situ akan dipam masuk terus ke dalam kolah.] Tapi kolah untuk ambil air sembahyang *tu* [itu] hanya *sorang-a-sorang* [seorang] anak murid *saja* [sahaja] boleh *masuk* [guna]. Kolah yang ambil air sembahyang *tu* [itu] pun berada dalam rumah dia. *Kita dah cukup satu kolah, cukup cukup. Kalau penuh --- sudah cukup-cukup.* [Kalau kita sudah cukup satu kolah.]

NNH : **Antara sebab-sebab kenapa seorang *je* [sahaja] anak murid dia?**

RAZ : *Antara sebab dia takut ramai, bila air satu kolah, mungkin takut air tu jadi tak mutlak* [Antara sebab Tok Selehor takut untuk orang ramai menggunakan air kolah tersebut kerana mungkin takut air itu menjadi tidak mutlak] --- dan bangunan lain lagi macam jeti pun ada tapi tenggelam dah. Sekarang yang tinggalnya dekat kubur, wakaf dengan kubur dibina tahun 1343 atau 45, 43 *gitu* [begitu] la sebab seingat saya telaga, wakaf, kubur, dengan suluk *tu* [itu] tahun yang sama. Dan paling utama sekarang *ni* [ini] yang paling masyhurnya *loni* [sekarang] adalah suluk lah, yang mana digali sendiri oleh Tok Selehor dan binaan atas itu adalah merupakan gerabak keretapi. Pintu tadi cuma tinggal replika pintu *je* [sahaja] yang nampak. Dia asalnya berlaga dan asalnya keretapi

terbalik jadi anak muridnya ramai. Dia angkat keretapi *tu* [itu] letak atas kubur. Jadi dia gali dijadikan suluk yang merupakan *satu* [1] tinggalan sejarah islam la dan sekarang masih ada orang datang melawat, [dan] menziarah.

NNH : Berapa lamakah bangunan-bangunan ini didirikan? Tahun didirikan sampai sekarang

RAZ : Bangunan *ni* [ini] bangunan asal *bena* [sebenar] yang didirikan pada zaman Tok Selehor masyhur sebab tujuan suluk dibina *bena* [sebenar] ---, telaga dibina pada 1343 Hijrah, wakaf tengah kubur *tu* [itu] yang binaan lebih kepada tempat orang *Siam [Thailand]* panggil kuil Buddha sebab tukang yang membuat *tu* [itu] adalah orang *Siam [Thailand]* orang Thailand. *Tu* [Itu] yang jadi bentuk macam *tu* [itu]. *Lepah tu* [Selepas itu], suluk *tu* [itu] pun lebih kurang tahun 1345 Hijrah, *empat puluh tiga* [43] ke *empat puluh lima* [45], saya rasa *empat puluh tiga* [43]. *Lepah tu* [Selepas itu], tujuan telaga *ni* [ini] adalah untuk menampung air minum la. Macam wakaf tengah-tengah kubur *tu* [itu] tujuan dia pada zaman dulu bila ada kematian kita akan bawa orang daripada luar akan melalui sungai. Naik ke jeti akan sembahyang di atas wakaf *tu* [itu] la sembahyang mayat sebelum tanam dan ---

NNH : Wakaf yang dibina oleh orang siam?

RAZ : Orang *Siam [Thailand]* *tu ha* [itu la]. Wakaf *tu* [itu] la wakaf daripada binaan kayu cengal 100 peratus [%] dan tidak menggunakan paku, semua menggunakan pasak. Jadi itu la tujuannya untuk sembahyang mayat *satu* [1] dan *satu* [1] lagi untuk tahlil malam. Zaman dulu kita tahlil dekat kubur setiap hari. Hari pertama hingga ketujuh tahlil dekat kubur, yang seminggu sekali *tu* [itu] baru buat dekat rumah. Kebiasaan macam *tu* [itu] dulu tapi sekarang semua buat dekat rumah dah. Yang suluk pun tujuan dia bagi Tok Selehor adalah untuk berkhilwah dengan Tuhan *tu* [itu] tujuan Tok Selehor. Manakala tujuan lain pun mendekati diri untuk merasai apa *tu* [itu] mati. Banyaklah kejadian-kejadian pelik cerita Tok Selehor --- suluk nanti kita cerita hal suluk pula.

NNH : Dimanakah terletaknya bangunan-bangunan ini?

RAZ : Bangunan ini [iaitu] telaga terletak tepi sungai la *asal* [berasal di] kawasan pondok la. Macam wakaf *tu* [itu] dia tengah kawasan kubur dan suluk pula adalah di tengah-tengah kubur *jugok* [juga]. Disekeliling ada kubur dan berdekatan dengan masjid.

- **Pondok Tok Selehor**

NNH : Bolehkah encik berkongsi tentang sejarah bangunan ini? Yang pertama adalah Pondok Tok Selehor. Bagaimanakah beliau mendapat dan tercetus idea untuk membina pondok Tok Selehor?

RAZ : Pondok Tok Selehor *ni* [ini] dibina *bila* [apabila] dia belajar kitab. Jadi dia berniat, apa yang dia belajar *ni* [ini] dia nak ajar kepada orang lain *pulak* [pula iaitu] orang ramai. *Jadi daripada situ la timbul bila balik sini, bila balik daripada Mekah dia pun bukalah pondok.* [Idea tercetus apabila Tok Selehor balik daripada Mekah dan dia membuka pondok.] *Bermula dengan pondok kecil la, kecil sikit, jadi bila ada orang pondok yang kecil ini yang sikit ini, bila dia keluar dia akan cerita* [Bermula dengan pondok yang kecil dan ahli pondok yang sedikit ini, apabila mereka keluar daripada kampong ini mereka akan bercerita kepada orang ramai.] “Tok guru pondok *ni* [ini] ajar dengan jelas, dengan sedap didengar, lebih manis didengar dan lebih terang”. Jadi maka ramai orang yang ingin tahu. Daripada situlah maka berkembang *tu* [itu] daripada pondoklah. Dan pondok *ni* [ini] merupakan luasannya adalah lebih kurang *dua* [2] ekar, bermula pada jalan *ni* [ini] --- sampai ke sana.

NNH : Dimanakah lokasi pondok Tok Selehor?

RAZ : Lokasi pondok Tok Selehor adalah di tepi sungai Selehor di Kampung Laut Palekbang, Kelantan *tu* [itu] la tempat dia. Lokasi dia.

NNH : Siapakah yang bertanggungjawab menjaga pondok ini sekarang?

RAZ : Buat masa *ni* [ini] --- yang bermula daripada tahun 1999 saya yang menjaga dari segi *maintenance* [penyelenggaraan] la, cuma dari segi kebajikan *tu* [itu] pihak yayasan yang jaga. (Sedih) *Tapi* [Tetapi] kita pun kadang-kadang sedih juga sebab pihak yayasan *ambik* [ambil] sikap acuh *tak* [tidak] acuh dekat orang pondok *ni* [ini]. Cuma dari segi pembiayaan *letrik* [elektrik] yayasan bayar dan cara kemasukan adalah percuma lebih banyak begitu la. Okay.

NNH : Adakah banyak bajet yang diperlukan untuk membaikpulih pondok ini?

RAZ : Bajet kalau nak kira *tu* [itu] memang banyak la. Buat masa sekarang dekat tepi sungai *tu* [itu] benteng pagar pun dah nak runtuh, tandas pun ada *satu* [1] lagi *tak* [tidak] siap dan ada pondok-pondok yang masih belum ada kipas. Kipas yang rosak *tu* [itu] masih belum diganti dan bilik air pun *semolek-moleknya* [sebaik-baiknya] dipasang mozek la sebab kalau *tak* [tidak] pasang mozek dia nampak kotor. Kalau pasang mozek dia lain sikit. Banyaklah yang kita perlukan macam nak baiki enjin air -- lampu -- itulah sedikit sebanyak.

NNH : Dari manakah sumber bajet yang diperolehi untuk membaikpulih pondok ini?

RAZ : Sumber bajet *ni* [ini] sebenarnya setahu saya la dapat daripada *MAIK* [Majlis Agama Islam Kelantan] pun dapat, daripada *NGO* [Non-Governmental Organization] pun dapat sebab bajet *ni* [ini] dia dapat masuk ke Yayasan Darul Hannan. Tapi Yayasan Darul Hannan bukan berpusat di sini, cuma tempat *je* [sahaja] di sini. Jadi saya terkilan la. Saya terkilan la sebab bila kita mengadu ada kerosakan apa-apa, jadi pihak yayasan macam acuh *tak* [tidak] acuh, kadang-kadang dia buat *tak* [tidak] tahu *saja* [sahaja] (sedih). Jadi saya terpaksa usaha sendiri *mintak* [minta] sumbangan orang lain untuk baiki. Kalau dia diibaratkan kata kalau dia tak nak jaga, dia lepas la (marah). Jadi kita boleh terus kepada *MAIK* [Majlis Agama Islam Kelantan] ke macam mana. *MAIK* [Majlis Agama Islam Kelantan] dapat banyak 50,000 ribu [Ringgit Malaysia] setahun la yang dapat daripada *MAIK* [Majlis Agama Islam Kelantan]. Baik.

NNH : Berapakah anggaran bajet yang diperlukan untuk membaikpulih pondok ini?

RAZ : Untuk membaikpulih pondok *ni* [ini] dalam kiraan 100,000 ribu [Ringgit Malaysia] *kot* [agakny] sebab dengan pagarnya, dengan bangunan-bangunan banyak yang retak nak baik pulih balik. Mungkin 100,000 ribu [Ringgit Malaysia] hingga 150,000 ribu [Ringgit Malaysia].

NNH : Berapakah anggaran masa untuk menyiapkan pondok ini?

RAZ : Dia bergantung kepada jumlah orang yang bekerja ataupun kita akan keluarkan *satu* [1] tender atau sebut harga. Biar *dorang* [mereka] akan tetapkan masa terus. *Bila lewat kita akan --- kita tak payah atau denda.* [Bila lewat kita tidak susah fikir atau kenakan denda]. Itu *saja* [sahaja].

NNH : Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang reka bentuk pondok Tok Selehor?

RAZ : Okay reka bentuk pondok Tok Selehor *ni* [ini], dia pondok Tok Selehor mengandungi *lima* [5] blok teres yang mengandungi *empat puluh* [40] buah bilik. Satu dewan terbuka, *satu* [1] mana -- *tiga* [3] bilik rumah untuk penginapan, satu [1] surau dua [2] tingkat yang mana boleh memuatkan seramai *dua ratus* [200] orang, dewan terbuka tadi pula boleh memuatkan seramai 500 orang boleh la. *Satu* [1] dewan makan boleh memuatkan 200 orang, *satu* [1] asrama perempuan, *satu* [1] asrama lelaki. Asrama perempuan boleh memuatkan seramai 150 orang dalam *satu* [1] masa, asrama lelaki boleh memuatkan dalam *lima puluh* [50] orang dan ada *empat* [4] buah tandas. *Satu* [1] tandas, setiap tandas ada kolah. *Dua* [2] tandas besar, *dua* [2] tandas kecil. *Dua* [2] tandas besar mengandungi *dua* [2] bilik air, *satu* [1] tandas lagi mengandungi *enam* [6] bilik air dan tandas kecil itu mengandungi *dua* [2] bilik air dan *empat* [4] bilik air dan *satu* [1] kawasan tempat mandi. Kolam mandi untuk kegunaan warga pondok.

NNH : Apakah kayu yang digunakan untuk membina pondok ini?

RAZ : Kayu yang guna asal memang kebanyakan kayu cengal la tapi binaan sekarang dah ditukar kepada batu. Tapi surau yang sebelum dibaik pulih, yang terakhir *ni* [ini] memang binaan cengal 100 peratus [%].

NNH : Apakah tarikan yang membuatkan orang ramai datang menziarahi pondok Tok Selehor ini?

RAZ : Tarikan utama adalah di pondok Tok Selehor *ni* [ini] mempunyai suluk atau bangunan suluk *tu* [itu] tarikan yang utama sebab benda *ni* [ini] *takde* [tidak ada] dekat tempat lain. Jadi kepada penghuni pondok yang nak datang sini, dia hanya berniat untuk belajar agama, dia dah layak untuk duduk tinggal di pondok. Dan dia boleh tinggal sampai mati. Kita tidak mengenakan apa-apa bayaran dan tidak kenakan bayaran api, air, [sebab] semua yayasan tanggung. Cuma bila dia dah tinggal sini selama *dua* [2] bulan, selepas daripada *dua* [2] bulan, kita akan cuba mohon daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk bantuan. Tapi *bila* [apabila] dia masuk sini kena masak sendiri la. Macam masa melawat bagi keluarga nak melawat, masa *tak* [tidak] tetap. Malam pun boleh, siang pun boleh sebab dia pondok, sebab dia bukan --- lagipun warga pondok *ni* [ini] khas untuk warga emas perempuan sahaja. Lelaki *takdok* [tidak ada]. Semua perempuan dan yang tinggal sini adalah serata-rata la dan bukan sekadar orang Tumpat sahaja. Orang *Singapore* [Singapura] pun pernah ada dekat sini.

NNH : Ada.

NNH : Apakah kejayaan pondok Tok Selehor hasil dari legasi peninggalannya pada masa sekarang?

RAZ : Kejayaan pondok Tok Selehor *ni* [ini]. Mungkin tercetusnya idea daripada Dato' Haji Razuki merupakan cucu Tok Selehor. Dia buat apabila pondok Tok Selehor pada zaman Tok Selehor, kemudiannya zaman anak murid dia. *Lepah tu* [Selepas itu] habis zaman anak murid dia, dapat *ke* [kepada] *pak sedara* [bapa saudara] saya. *Pak sedara* [Bapa saudara] saya *ni* [ini] dia main politik, dia main politik masa *tu* [itu] parti perikatan gambar kapal layar. Parti Perikatan *ni* [ini] gabungan antara *MIC* [Malaysian Indian Congress], *MCA* [Malaysian Chinese Association] dengan melayu. Jadi orang pondok *ni* [ini] kata, kita orang Islam kenapa nak baik dengan orang kafir. Jadi masa *tu* [itu] lah zaman keruntuhan pondok *ni* [ini]. Dalam masuk sebulan ada yang bakar pondok, ada yang lari balik tinggal pondok, *masing-masing* [semua] balik kampung masing-masing. *Takde seorang pun* [Tidak ada seorang pun yang masih tinggal di pondok Tok Selehor ini] (tegas atau marah). Maka arwah ayah saya tanam pokok kelapa. *Jadi asal sebelum terjadinya pondok ini, asalnya pokok kelapa.* [Sebelum pondok ini didirikan balik, asalnya daripada menanam pokok kelapa yang banyak.] Kemudian pada tahun 1988 *eh* [ke] 1998, dia *pusing balik* [balik ke kampung Selehor] dan bina balik pondok. Jadi dari situ lah, bermulanya pondok yang baru *ni* [ini]. Mungkin legasinya ideanya memang tercetus daripada asalnya adalah pondok, jadi sekarang pun pondok lagi. Kita nak pegang legasi *tu* [itu].

- **Suluk**

NNH : **Untuk sejarah suluk. Bilakah pondok ini dibina atau dikenali sebagai suluk?**

RAZ : Suluk *ni* [ini] dibina lebih kurang dalam tahun 1921. Kalau sekarang ini hampir-hampir dalam 100 tahun la. Sebab kita *ni* [ini] 2019 kan? Jadi *dua* [2] tahun lagi nak cukup *sembilan puluh lapan* [98] tahun hampir dengan 100 tahun dibina. Dia dikenali sebagai suluk *tu* [itu] sebab maksud suluk *ni* [ini] adalah mengikut ‘Kamus Dewan Bahasa’ maksud suluk *ni* [ini] bersunyi-sunyian atau *satu* [1] lagi maksud dia kira suluk *ni* [ini] adalah *satu* [1] perjalanan menuju sang pencipta *tu* [itu] adalah maksud suluk yang sebenar. *Tu* [Itu] dari segi ‘Kamus Dewan Bahasa’. Dari segi takrifan Tok Selehor, suluk *tu* [itu] maksud dia berkhalwah dengan Tuhan ataupun merasai apa *tu* [itu] mati. Bila takut dekat mati, maka makin banyak buat amal. Itulah tujuan dia sebenar. Dia nak buat amal *tu* [itu] (tegas). Takut mati. Bila dia mengajar kitab, anak murid dah ramai sampai sanggup panjat pokok *nyiur* [kelapa] *tu dih* [itu kan]. Dia takut timbul riak dalam hati, maka dia pun galilah suluk untuk mendekatkan diri pada Tuhan. *Merasai apa itu mati makin dia buat. Merasai Takut mati, makin banyak dia buat, makin banyak.* [Apabila dia merasai dan takut pada kematian, makin banyak dia buat amal ibadat.] Dia nak buat riak *tu* [itu] yang susah.

NNH : Apakah peranan suluk tersebut kepada generasi sekarang?

RAZ : Bagi saya la suluk *ni* [ini] adalah *satu* [1] tempat untuk kita menginsafkan diri kita memang cukup sesuai. *Tak dok doh* [Tiada] tempat lain sebab *tak dok ore hok tok* [tiada orang yang tak] takut mati. Walaupun *budok* [budak] *tu* [itu] nakal macam mana pun, dia akan takut dengan suluk sebab suluk bukan tempat main-main.

NNH : Bagaimanakah reka bentuk suluk?

RAZ : Suluk *ni* [ini] reka bentuk bawah dia ada *dua* [2] lapisan, dalam tanah dan atas tanah. Dalam bentuk dalam tanah *ni* [ini] ada *satu* [1] lubang yang digali sekeliling, berbentuk *empat* [4] segi, selebar seluas *tujuh* [7] kaki panjang, *tujuh* [7] kaki lebar, *tujuh* [7] kaki tinggi. Tangga ada *tujuh* [7] anak tangga turun bawah dan ada *satu* [1] liang lahad dalam *tu* [itu]. Dan suluk *ni* [ini] adalah apabila masuk dalam memang gelap lah. Diibaratkan macam kubur la, apabila buka mata pun gelap, pejam mata pun gelap dan dia bukan *satu* [1] tempat untuk main-main la. Okay itu *saja* [sahaja].

NNH : Suluk dikenali sebagai tempat suci, adakah ia mempunyai perkara yang perlu dihindari oleh pengunjung semasa melawati tempat ini?

RAZ : Suluk *ni* [ini] betul tempat suci sebab tempat kita buat *smaye* [sembahyang]. Okay suluk *ni* [ini] *satu* [1] tempat yang digunakan untuk buat sembahyang jadi memang suci lah. Jadi *sapo-sapo nok* [sesiapa nak] masuk *tu* [itu] yang sebenarnya badan *tak* [tidak] boleh kotor, berbanding yang uzur *tak* [tidak] digalakkanlah. Kalau nak masuk *jugok takpo* [tidak apa], boleh masuk. Jadi yang keduanya saya nak cerita *ni* [ini] bila seseorang *tu* [itu] ada benda luar atau apabila seseorang *tu* [itu] ada saka ke, ada pendamping ke, *tak* [tidak] digalakkan masuk sebab suluk *tu* [itu] pun ada tuan dia yang jaga lagi pada masa sekarang. Walaupun kita tidak nampak, tapi tuan dia masih ada. Jadi apabila ada saka, saka dengan tuan dia *ni* [ini] akan berlawan, kita yang akan *naya* [aniaya]. Biasanya kalau dalam taklimat, saya akan bagitahu lah. Saya akan tanya dulu, biasanya orang perempuan la sebab orang laki *ni* [ini] kuat sikit dia.

NNH : Apakah kejayaan suluk hasil dari legasi peninggalannya pada masa sekarang?

RAZ : Ya, suluk adalah legasi peninggalannya, salah *satu* [1] peninggalan sejarah yang ditinggalkan oleh Tok Selehor sampai sekarang masih dijaga dengan baik oleh saya sendiri la. Maknanya saya adalah seseorang yang pegang kunci dia. Anda boleh datang, nak masuk kita *tak* [tidak] mengenakan apa-apa bayaran, cuma sumbangan ikhlas masuk dalam tabung situ, tabung *tu* [itu] ada dekat suluk. Sumbangan ikhlas sahaja, datanglah bila-bila masa nak datang. Malam ke siang

ke *tak* [tidak] kisah.

- **Wakaf Tok Selehor**

NNH : Seterusnya untuk sejarah bangunan iaitu wakaf Tok Selehor. Mengapakah wakaf Tok Selehor ini didirikan?

RAZ : Wakaf dekat tengah-tengah kubur itu?

NNH : *Haah.* [Ya.]

RAZ : Wakaf Tok Selehor *tu* [itu] didirikan tujuan dia pada zaman dulu untuk sembahyang mayat. Jadi jenazah *tu* [itu] dibawa dari jauh dan dia akan singgah diwakaf *tu* [itu]. *Sembahyang dulu* [Mereka akan sembahyang dulu] sebelum ditanam dan untuk dibuat tahlil pada waktu malam. *Tu* [Itu] tujuan dia *blako* [semua].

NNH : Bilakah wakaf Tok Selehor didirikan?

RAZ : Dia didirikan pada tahun sejurus 1340 Hijrah didirikan sama dengan tahun suluk dan telaga besar.

NNH : Adakah wakaf ini dibina pada tahun yang sama dengan pondok Tok Selehor? ataupun tahun yang sebelumnya?

RAZ : Ya, wakaf *ni* [ini] dibina pada tahun yang sama la. Sama dengan suluk, sama dengan telaga besar. *Tu* [Itu] adalah pada zaman kegemilangan pondok *ni* [ini] lah, zaman pondok tengah-tengah masyhur zaman *tu* [itu].

NNH : Apakah tujuan lain wakaf Tok Selehor dalam menyebarkan ilmu agama?

RAZ : Dia tujuan lain buat masa sekarang, apabila berlaku kematian wakaf *tu* [itu] amat berguna lah untuk singgah sementara, ataupun kadang-kadang keluarga datang buat tahlil di wakaf *tu* [itu] lah.

NNH : Bagaimanakah reka bentuk wakaf Tok Selehor?

RAZ : Wakaf Tok Selehor dia reka bentuk lebih kepada wakaf yang berada dalam kuil Siam. Dia terjadi *tu* [itu] *bila* [apabila] tukang yang buat wakaf *tu* [itu] asal dia orang Thailand. Sebab zaman Tok Selehor dulu, ada sami Buddha yang datang masuk Islam *jugak* [juga] datang, datang duduk sini terus. *Itu yang jadi macam gitu sikit tu, binaan klasik sikit.* [Itu yang jadi macam binaan klasik sikit tu.] Okay.

NNH : Adakah tukang wakaf ini juga merupakan anak muridnya?

RAZ : Ya, anak muridnya. Anak muridnya yang tinggal dekat pondok sini.

NNH : Apakah kayu yang digunakan untuk membina wakaf ini?

RAZ : Kayu yang digunakan adalah menggunakan kayu cengal 100 peratus [%] dan tidak menggunakan paku. Semuanya menggunakan pasak.

NNH : Adakah wakaf ini masih mengekalkan sebagai tempat mengaji atau hanya menjadi tempat beristirahat penduduk tempatan?

RAZ : Tidak. Wakaf *ni* [ini] masih lagi kekal sebagai tempat mengaji. *Yang masa sekarang*, [Pada masa sekarang,] aktiviti terbaru adalah setiap pagi jumaat setelah selesai sembahyang subuh, semua ahli masjid akan turun ke wakaf untuk buat tahlil lagi situ sekali. Sampai sekarang lah, kira kita nak hidupkan wakaf *tu* [itu].

- **Masjid Kok Pasir**

NNH : Untuk Masjid Kok Pasir. Apakah sejarah masjid ini?

RAZ : Masjid Kok Pasir, masjid *ni* [ini] adalah diletakkan batu asas oleh Tok Selehor dan dibina pada zaman Pak Cu Abbas atau pada zaman anak murid dia yang diambil alih pondok Selehor selepas dia meninggal dan disiapkan pada zaman selepas pada Tok Selehor *tu* [itu] meninggal lah.

NNH : Adakah masjid Tok Selehor ini kini dinaiktaraf menjadi masjid yang terdahulunya hanyalah sebuah madrasah?

RAZ : Masjid *ni* [ini] memang diiktiraf sebagai masjid untuk dibuat sembahyang jumaat. Madrasah *tu* [itu] tetap madrasah memang *tak* [tidak] diiktiraf.

NNH : Apakah nama masjid ini selepas dinaiktaraf?

RAZ : Selepas dinaiktaraf dia dinamakan Masjid Kok Pasir lah. Bermakna mengikut nama kampung.

NNH : Sebelum *ni* [ini]?

RAZ : Sebelum *ni* [ini] Masjid Selehor.

NNH : Bilakah masjid Tok Selehor ini dibina?

RAZ : Masjid Tok Selehor *ni* [ini] dibina pada tahun lebih kurang tahun *enam puluh* [60] lebih la.

NNH : Sebelum?

RAZ : *Tak tak.* [Tidak.] Pada awal *tiga puluh* [30-an] sebab Tok Selehor yang meletakkan batu asas. Tok Selehor meninggal dalam *tiga puluh lima* [35].

NNH : Siapakah yang membina masjid Tok Selehor?

RAZ : Yang membina *tu* [itu] kebanyakan bantuan daripada orang kampung la. *Kira daripada penduduk, daripada ahli-ahli pondok pun ada, banyak-banyak.* [Kiranya bantuan kebanyakannya daripada penduduk, daripada ahli-ahli politik pun ada dan banyaklah.] Kebanyakannya daripada masyarakat yang gotong-royong pada peringkat awal la dan peringkat akhir-akhir *ni* [ini], kini dia banyak dapat sumbangan daripada tabung. Tabung masjid *tu* [itu], dari situlah dia *bawak* [ambil].

NNH : Adakah masjid ini dijadikan sebagai salah *satu* [1] tempat pengajarannya selain beribadah?

RAZ : Ya. Dia masih tempat pengajaran la. Dia ada sesi-sesi selepas subuh, kuliah subuh, kuliah zohor dan kuliah isya' kuliah maghrib *tu* [itu] pada setiap malam la. Kecuali malam jumaat dia cuma buat bacaan Yassin.

NNH : Bagaimanakah reka bentuk madrasah sebelum ini dan masjid selepas dinaik taraf?

RAZ : Reka bentuk sebelum adalah bentuk kayu lah. Jadi selepas dinaiktaraf, semua yang kayu *tu* [itu] dibuang dia buat batu. *Lepah tu* [Selepas itu], dia buat *dua* [2] tingkat dan ditambah *aircond* [penghawa dingin].

NNH : Bagaimanakah gaya tarikan dan cara penyampaian Tok Selehor dalam kuliahnya?

RAZ : Gaya tarikan Tok Selehor apabila dia menyampaikan kuliah dia, dia menyampai dengan penuh perasaan. Jika kitab kita perlu menangis, kita menangis. Dia dengan penuh perasaan dan dia *tak* [tidak] menghiraukan orang lain. Dia buat sesuatu dengan *sesungguh-sungguh* [bersungguh-sungguh]. Dia *tak* [tidak] ada buat secara sikit-sikit *tak* [tidak] ada. Memang sungguh-sungguh dia buat.

NNH : Adakah Masjid Kok Pasir dengan madrasah atau surau yang kini dinaiktaraf adalah bangunan yang berbeza?

RAZ : Ya, ia bangunan yang berbeza. Surau yang dinaiktaraf *tu* [itu] masih kekal surau. Masjid yang diletakkan batu asas *tu* [itu] dinamakan memang masjid la. Surau *tu* [itu] adalah tempat yang lain. Surau berada dalam kawasan pondok, masjid berada dekat dengan kubur.

- **Telaga Besar Tok Selehor**

NNH : Untuk Telaga Besar Tok Selehor. Apakah sejarah telaga besar Tok Selehor?

RAZ : Sejarah Telaga Besar Tok Selehor *ni* [ini] dibina pada 1343 Hijrah dan merupakan telaga yang menyumbangkan air minum kepada seluruh warga pondok lah pada zaman dulu. Dan sekarang pun masih diguna untuk menyumbang air minuman untuk warga pondok termasuklah mencuci apa semua. Jadi sejarah dia *ni* [ini], *satu* [1] telaga yang berbentuk hexagon dan keluasan dia adalah *lima puluh* [50] kaki luas, dalam *lima* [5] kaki lebih kurang dan sedalam dia lebih kurang *lapan* [8] kaki. Itu sahaja dan mempunyai air yang cukup banyak. Okay.

NNH : Adakah Telaga Besar Tok Selehor dikekalkan sehingga ke hari ini atau pun ianya pernah diperbaharui?

RAZ : Ia binaan asalnya kekal. Cuma kita tambah atasnya sikit pada tahun 1987 kita tambah sebab masa banjir telaga *ni* [ini] selalu tenggelam. *Jadi apabila kita tambah tu masa 2014 je tenggelam, yang biasa tak tenggelam la. Banjir sikit-sikit jela.* [Jadi masa tahun 2014 sahaja yang tenggelam akibat banjir besar, kalau banjir biasa sahaja telaga ini tidak tenggelam.]

NNH : Pernahkah Telaga Besar Tok Selehor kekeringan air seperti telaga-telaga biasa yang lain?

RAZ : Dia *tak* [tidak] pernah kering la. Alhamdulillah mungkin berkat yang digali oleh Tok Selehor sendiri walaupun banyak mana yang kita guna pun, dia mata air cukup banyak. Okay.

- **Pondok Darul Hannan**

NNH : Untuk Pondok Darul Hannan. Apakah Darul Hannan?

RAZ : Darul Hannan ialah *satu* [1] pertubuhan untuk membantu warga-warga emas yang ditubuhkan dan *dipenguruskan* [diuruskan] oleh Dato' Razuki lah dan ahli Lembaga Pengarah pula merupakan ahli keluarga sahaja. Dia ditubuhkan pada November 17, 1999 yang didaftarkan sebagai sebuah yayasan dengan nama Yayasan Darul Hannan. Okay itu sahaja.

NNH : Siapa pengasas Darul Hannan?

RAZ : Pengasas Darul Hannan ialah Dato' Razuki Haji Abbas merupakan cucu kepada Tok Selehor. *Ho* [Ya] cucu.

NNH : Siapa yang menguruskan Darul Hannan sekarang?

RAZ : Yang menguruskan dari segi *maintenance* [penyelenggaraan] dan dari segi penyeliaan, saya yang menguruskan. Cuma kita tidak dapat sumber kewangan yang cukup lah untuk mengurus. Kadang-kadang kita terpaksa minta bantuan daripada sumbangan-sumbangan orang dekat luar.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: KEJAYAAN

NNH : Untuk sesi kejayaan. Pernahkah encik didatangi pelawat dari luar Kelantan untuk Kem Motivasi Diri?

RAZ : Dia pelawat dari luar Kelantan untuk Kem Motivasi pun ada. Dari *KL* [Kuala Lumpur] pun ada contohnya daripada Universiti Malaya pun ada, *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] pun ada, bukan *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] tapi *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] pun ada, *UPM* [Universiti Putra Malaysia] pun ada dan rombongan daripada *Singapore* [Singapura] pun ada. Banyaklah.

NNH : Pernahkah encik mendapat tawaran untuk menjadi penceramah kesedaran diri seperti di pusat serenti atau penjara?

RAZ : Dia tawaran *ni* [ini] memang ada lah. Penceramah kesedaran diri biasanya kepada pelajar-pelajar dekat motivasi ada lah.

NNH : Bolehkah encik berkongsi pengalaman encik semasa encik menjadi penceramah di pusat serenti atau penjara?

RAZ : Berkongsi pengalaman semasa menjadi penceramah, saya banyak berceramah tentang pengalaman hidup saya jatuh, saya bangun, saya berjaya, saya bertahan, saya berjaya, dan sekarang anak-anak pun sudah berjaya. Banyaklah pengalaman-pengalaman.

NNH : Apakah pengalaman pahit encik dalam mengatasi masalah semasa manjadi penceramah di pusat serenti?

RAZ : Pengalaman pahit *ni* [ini] kadang-kadang, apabila kita cerita budak-budak *ni* [ini] dia buat *tak* [tidak] tahu. Kadang-kadang dia bercakap. Sebab pengalaman apabila ceramah, saya bagi benda *tu* [itu] lah pengalaman saya, benda memang sukar nak dapat. Bukan saya dapat daripada buku *tu tak* [itu tidak]. Itu adalah saya dapat daripada pengalaman hidup, saya cerita yang benar. Jadi kadang-kadang dia buat sikap acuh *tak* [tidak] acuh. Itu adalah memang sikap penghuni ataupun *client-client* [pelanggan] yang berada di pusat serenti atau penjara. Dia anggap macam macam hidup *ni takde* [ini tidak ada] apa pun makna.

NNH : Apakah pencapaian Tok Selehor sepanjang beliau hidup?

RAZ : Pencapaian dia banyak yang dia karang kitab-kitab lah. ‘Kitab Hikam’ yang dikarang balik yang digunakan oleh Tok Kenali, ‘Kitab Faridah’, ‘Kitab Musolli’. Yang macam *kalu* [kalau] dari segi syair ini ‘Hikayat Siti Zubaidah’, ‘Dandang Setia’ yang ditinggalkan dan banyak kitab-kitab yang lebih kepada Tarikat.

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8: MASALAH DAN ISU

NNH : Untuk masalah dan isu. Pernahkah berlakunya perbalahan diantara keluarga encik dalam mewarisi peninggalan oleh Tok Selehor?

RAZ : Dia dari segi *ni* [ini], benda *tu* [itu] ada sikit sebanyak. Cuma saya tak nak cerita panjang la. Okay itu saja.

NNH : Apakah kesulitan yang dihadapi semasa mengendalikan di pusat serenti atau penjara?

RAZ : Kesulitan yang dihadapi adalah apabila *OKP* [Orang Kena Pengawasan] *ni* [ini] dalam pengawasan. Bila kita cakap dia *tak* [tidak] dengar sebab otak dia *dah tak* [sudah tidak] normal. Jadi kita nak normalkan balik *tu* [itu] susah. Dia nak lebih kepada *tak* [tidak] cukup syaratlah atau putus wayar hijau ke macam mana *gitu* [begitu] la. Jadi dia *tu* [itu], apabila cakap sekali *tu* [itu] *tak* [tidak] dengar. Dia hanya ikut sekadar ikut *je* [sahaja], *tak* [tidak] tahu apa pun. Kadang-kadang kita suruh sekali pun buat *tak* [tidak] tahu.

NNH : Bagaimanakah beliau mengatasi dan membendung masalah ini?

RAZ : Dia kaedah *ni* [ini], dia dah ada modul-modul dibuat oleh kerajaan la. Daripada agensi, modul yang dibuat *tu* [itu] saya akan terangkan secara terperinci modul-modul *tu* [itu] biar dia faham. Jadi dari segi penerimaan *tu* [itu] saya *takleh* [tidak boleh] nak cakap. Tapi satu masa kita akan buat *satu* [1] ujian untuk menentukan dia *ni* [ini] faham atau *tak* [tidak]. Apabila akhir sesi, kita akan buat.

NNH : Adakah ajaran dan dakwah Tok Selehor pernah dianggap terpesong oleh masyarakat sekeliling?

RAZ : Dia dengan ajaran dan dakwah *takde* [tidak ada], cumanya dia Tok Selehor *ni* [ini] dia suka menyambut Maulidur Rasul secara besar-besaran. Jadi benda *ni* [ini] pernah ditegur atau dikecam oleh ulama-ulama lain tapi Tok Selehor tetap buat *jugak* [juga]. Orang nak kecam, kecam. Tapi dia menganggap meraya atau meraikan hari Maulidur Rasul adalah baik. Biasanya kita akan ada perarakan keliling kampung dengan senapang tembak, dengan kanak-kanak *bawak* [bawa] lilin sambil berselawat. *Gitu* [Begitu] la.

NNH : Pernahkah masjid Kok Pasir ini sering mengalami kecurian?

RAZ : Ya pernah. Cumanya dekat madrasah kita, kita *takde* [tidak ada] tabung. Kita *tak* [tidak] pernah buat tabung. Tapi Masjid Kok Pasir *ni* [ini] memang *selalu* [selalu] berlaku kecurian].

NNH : Pernahkah tempat ini dilanda banjir semasa banjir besar pada tahun 2014?

RAZ : Dia dilanda banjir memang ada. Dilanda banjir 2014 dan merosakkan hampir 70 peratus [%] lah daripada fasiliti yang ada.

NNH : Untuk keseluruhan bangunan tu?

RAZ : Ya untuk keseluruhan bangunan *tu* [itu]. Hampir hampir 70 peratus [%] yang *dah* [sudah] rosak.

NNH : Bagaimanakah cara yang diambil untuk membaiki bangunan-bangunan yang dilanda banjir?

RAZ : Kita mendapat peruntukkan daripada *MAIK* [Majlis Agama Islam Kelantan] sebanyak 199,000 ribu [Ringgit Malaysia]. Tapi *tu* [itu] yayasan yang urus, saya *tak* [tidak] tahu. Dia kena tanya yayasan lah.

NNH : Berapa lamakah masa yang diambil untuk membaikpulih seperti biasa?

RAZ : Hampir-hampir *dua* [2] tahun jugak masa yang diambil untuk baik pulih kerosakan daripada 70 peratus [%].

NNH : Pernahkah Tok Selehor berdepan dengan masyarakat yang mengamalkan syirik dan khurafat?

RAZ : Ya pernah. Sehingga ada yang masuk suluk buat nombor ekor pun ada.

NNH : Apakah tindakan Tok Selehor bagi mengatasi masalah ini?

RAZ : Bagi mengatasi *masa-e-lah* [masalah] *ni* [ini], dia Tok Selehor dia panggil dan berbincang secara baik. Dia bukan menghukum, dia *tak* [tidak] ada sifat menghukum. Dia panggil dan berbincang secara baik dan dia akan menerangkan satu-satu, kaedah-kaedah dan cara-cara.

TAMAT BAHAGIAN 8

BAHAGIAN 9: HARAPAN

NNH : Baiklah pada sesi akhir ini. Apakah harapan encik terhadap sejarah Tok Selehor agar menjadi iktibar kepada masyarakat diluar sana?

RAZ : Okay untuk harapan saya la. Saya harap Pondok Selehor *ni* [ini] boleh menjadi masyhur seperti mana zaman kegemilangannya la dan sebabnya kita mempunyai suluk yang masih ada warisan daripada Tok Selehor dan pondok pun masih lagi ada. Dan saya pula menjaga pondok *ni* [ini] dalam keadaan baik alhamdulillah. *Jadi saya mohon sangat benda ini dibiarkan seluruh nusantara dulu zaman dulu atau lebih daripada zaman dulu. Lebih maju.* [Jadi saya mohon sangat benda ini dibiarkan ke seluruh nusantara seperti zaman dulu atau lebih daripada zaman dulu agar lebih maju lagi.]

NNH : Apakah nasihat encik terhadap generasi sekarang yang kurang mendalami dalam ilmu agama?

RAZ : Saya nak petik *satu* [1] daripada wasiat atau mungkin kata-kata Tok Selehor yang ada *member* [kawan] saya masuk suluk dia terjumpa arwah Tok Selehor dekat atas. Dia kata macam *ni* [ini]. Dia panggil kawan saya, “Datang sini sekejap. Okay pusing belakang”. Tok Selehor cakap dengar apa yang dia nak kata, “Pada hakikatnya kita hidup atas dunia ini sementara, akhirat yang kekal, sepatutnya kita kena berbuat amal *enam* [6] hari bekerja sehari”. Tapi *takpo* [tidak apa] dia kata, “Bekerjalah *enam* [6] hari *tu* [itu], boleh *tak* [tidak] luangkan sehari masa untuk buat amal. Boleh *ko dok* [ke tidak]? Sempat lagi *ko* [ke] hari minggu *nok* [nak] buat amal? *Nok gi* [Nak pergi] *fun fair* [pesta

permainan] lagi”. Banyak tujuan kata dia. Zaman sekarang dengan zaman dulu sepatutnya kita kena buat amal *enam* [6] hari, kerja sehari tapi dia kata tidak apalah bekerjalah selama *enam* [6] hari, sehari itu boleh *tak* [tidak] luang masa buat amal. Buat amal *ni* [ini] pada zaman arwah ayah saya, khamis malam jumaat ada wirid-wirid yang dia baca. Sampai dekat saya *tak* [tidak] ada dah. Saya *tak* [tidak] amal benda *tu* [itu], sayang *jugak* [juga] kadang-kadang sebab kata-kata dia *tu* [itu] betul.

NNH : Adakah encik berharap untuk menyebarkan lebih meluas tentang sejarah Tok Selehor?

RAZ : Ya saya berharap untuk *gitu* [begitu]. Benda *tu* [itu] kami dah *highlight* [serlahkan] pelbagai lah. Kita pun dah *highlight* [serlahkan] ke pelancongan, ke Kem Motivasi sekolah-sekolah, ke jabatan-jabatan *tu* [itu] kurang. Macam mungkin encik boleh *highlight* [serlahkan] ke universiti-universiti. Kita mohonlah sebab benda *ni tak* [ini tidak] salah. Mungkin sekadar untuk ziarah, mungkin ada yang nak bagi semangat untuk membaikpulih pondok. *Tu* [Itu] harapan besar la *tu* [itu].

NNH : Landasan apakah yang encik harapkan untuk menyebarkan sejarah ini? Seperti surat khabar, radio, televisyen, sosial media dan sebagainya.

RAZ : Saya mengharapkan sejarah *ni* [ini] disebar apa-apa pun. *Tak* [Tidak] kira lah semua yang ada dekat sini. Masuk tv, rancangan-rancangan TV3 ke, ataupun khazanah-khazanah lama. Benda *ni tak* [ini tidak] menyalahi peraturan agama sebab ada yang datang nak buat *seekers* [pencarian hantu] program pencarian hantu *tu* [itu], yang masuk nak cari hantu dekat dalam *tu* [itu], saya *tak kasi* [tidak bagi]. Sebab *ni* [ini] bukan tempat nak buat *seekers* [pencarian hantu]. *Seekers* [pencarian hantu] dekat dalam hutan boleh, dekat sini bukan. Ada juga, saya *tak kasi*. [Tidak bagi.]

NNH : Apakah program yang lain yang encik harapkan supaya dapat memberi kesedaran dalam bidang ilmu agama?

RAZ : Dalam bidang ilmu agama ke program lain? Dia lebih banyak kepada ceramah, lebih banyak kepada praktikal sebab budak-budak sekarang, teori pun *tak* [tidak] tahu praktikal pun *tak* [tidak] tahu. Sekadar belajar Tajwid dan Fardhu Ain *saja* [sahaja]. Kalau nak sembahyang mayat, nak mandi mayat pun *tak* [tidak] tahu kan, kita panggil sembahyang hajat pun *tak* [tidak] tahu nak baca apa, baca Yassin pun *tak* [tidak] boleh. *Tulah* [Itulah] harapan saya macam benda *ni* [ini] boleh dipanjangkan lagi, bukan setakat *ni saja* [ini sahaja]. Bukan setakat awak lah, mungkin awak nak panjangkan lagi dekat sekolah. Saya *tak* [tidak] kisah kalau benda *ni* [ini] nak *highlightkan* [serlahkan] pun sebab saya rasa benda *ni*

[ini] saya rasa saya betul. Benda *ni* [ini] boleh memajukan lagi, menaikkan lagi nama Pondok Tok Selehor, Alhamdulillah saya syukur. Itu sajalah daripada saya. Sekian, terima kasih.

RAZ : **Ada lagi?**

NNH : *Takdok* [Tidak ada] dah.

RAZ : **Tak cukup lagi itu?**

NNH : Ada 9 minit lagi (ketawa).

RAZ : **Jadi saya cerita akan cerita-cerita macam kuda tadi, landak tadi. Landak tadi tidak cerita kan?**

NNH : Landak *tu* [itu] jumpa *je* [sahaja].

RAZ : Jumpa *je* [sahaja]. Landak *tu* [itu] dia Tok Selehor *bila* [apabila] pergi memburu, dia pergi memburu binatang dia mesti bawak balik hasil dia. Dia *tak* [tidak] pernah *tak bawak* [tidak bawa] balik sebab apabila dia *bedil* [tembak] burung belibis *tu* [itu], *sembilan* [9] jatuh. Dia tembak mesti kena, jadi masa dia nak meninggal *tu* [itu] --- bila dia meninggal yang saya tahu *ni* [ini] orang yang ceritalah. *Arwah ayah saya kecil lagi*, [Masa itu arwah ayah saya kecil lagi,] jadi masa *nok gi* [nak pergi] *usung* [bawa] pergi kubur *tu* [itu], orang angkat ayah saya letak atas pengusung sekali dengan arwah Tok Selehor bawa *gi* [pergi] kubur. Dengan orang ramai mari *kei* [kan], seluas kubur *tu* [itu] penuh *ore* [orang]. *Lepah tu* [Selepas itu], baru dapat kepada Pak Cu Abbas atau Haji

Abbas *ni* [ini], yang merupakan anak murid Tok Selehor. *Lepah tu* [Selepas itu], Pak Cu Abbas *ni* [ini] pun ada keberkatan-keberkatan dia lah. Dia boleh tembak burung dengan pengayuh perahu, dia tembak dengan mulut burung pun jatuh. *Satu* [1] lagi dia Tok Ayoh Perok kita panggil, dia duduk *Perok* [Perak] tapi mari sini *jare-jare* [jarang-jarang]. Apabila dia mari sini, dia *ambik* [ambil] alih mengajar. Mungkin dia mari hari *isna* [isnin] hari selasa dia mengajar, hari rabu hari khamis mungkin dia balik *Perok pulok* [Perak pula].

NNH : **Dia ada pondok dia *jugok* [juga] la dekat *Perok* [Perak]?**

RAZ : *Haah* [Ya] dia pun ada pondok *dio* [dia] dekat *Perok* [Perak] tapi saya *tak* [tidak] pasti *Perok* [Perak] *tu* [itu] kawasan mana. Dia pun juga ambil salah *satu* [1] isteri Tok Selehor, buat isteri dia. *Yong Yong tu* [Yong itu nama salah satu isteri Tok Selehor]. Sebab *satu* [1] hari dia nak balik *Perok* [Perak] dia sampai di stesen keretapi *tu* [itu]. Dia kata, “Lambat keretapi stesen keretapi ini. Sembahyang dulu la, sembahyang Asar sementara tunggu *bei* [azan] Asar, kita sembahyang Asar”. *Dio smaye Asar sudoh smaye Asar, dia baru smaye dua rakaat keretapi sampai.* [Dia sembahyang Asar sampai habis tapi semasa baru sembahyang dua rakaat keretapi sudah sampai.] Keretapi *ni* [ini] dia berhenti *dua* [2] minit sahaja *satu* [1] tempat dekat stesen *tu* [itu] pun sudah *lamo* [lama], paling lama *dua* [2] minit. Jadi masa keretapi *tu* [itu] berhenti dia *tok sudoh* [belum siap] sembahyang lagi. Keretapi *nok gi* [nak pergi] tapi *mapuh* [tidak bergerak], *tokse* [tak nak] hidup. *Dio* [Dia] sudah sembahyang semua, bagi *sale* [salam], doa-doa, dia pun *paling* [toleh]. Aku *nok gi doh* [nak pergi dah], *dio*

[dia] pun salam dulu. *Jale kaki nok jijok naik keretapi tu hidup- kereto api pun tok leh gi. Tulah keberkatan- keberkatan.* [Semasa dia berjalan kaki nak pijak naik atas keretapi itu barulah hidup. Keretapi pun tidak boleh pergi disebabkan keberkatan-keberkatan dia.] Banyaklah keberkatan yang dia ada, Tok Selehor sendiri seperti main keris dan main pedang. *Kalu dio nok tangkap orang curi, Tok Selehor ni bila ore gi curi kambing, dia gi duduk dalam gok kambing.* [Tok Selehor ini kalau dia nak tangkap orang yang mencuri kambing, dia akan pergi duduk dalam kandang kambing.] *Bilo ore nok gi pege* [Apabila orang nak pergi pegang] kambing, dia *gi* [akan] pegang *tange* [tangan] *ore tu* [orang itu]. Jadi secara *tak* [tidak] langsung orang *tu* [itu] malu dan keistimewaan dia dalam kawasan pondok *ni* [ini], dari dulu sampai *loni* [sekarang] la. Saya minta benda *ni* [ini] berpanjangan la. Jadi dia minta macam kalau ada kecurian la di kawasan sekitar *ni* [ini] --- kita dalam pondok *ni* [ini] Alhamdulillah. Mungkin dia pagar dengan ayat *ko tok* [ke tidak] tahu lah. Mungkin kawasan pondok mesti tok guru dia pagar la *kei* [kan]. Saya *anok kunci muto duk* [anak kunci motor duduk] situlah, *anok* [anak] kunci kereta kadang-kadang *tok* [tidak] cabut di *keto gitulah* [kereta begitulah]. Alhamdulillah walaupun rokok *sebate* [sebatang] dalam kereta pun *tok* [tidak] *ile* [hilang]. Alhamdulillah mungkin dia *babas* [bebas] la dalam kawasan pondok *ni* [ini]. Banyaklah cerita. Macam cerita *boyo tu* [buaya itu], saya *bulih cayo tu* [boleh percaya itu], *satu* [1] hari *ni* [ini] masjid *tu* [itu] tengah bina lagi. Dia ada yang *smaye* [sembahyang] dekat *dewe* [dewan], orang pondoklah sembahyang dekat dewan. Dia *smaye* [sembahyang] dekat dewan, dia tengah *smaye* [sembahyang] dekat pukul *dua* [2] nok *smaye Asar* [nak

sembahyang Zohor]. *Dio napok* [Dia Nampak] benda duduk berpusar *dua* [2] ekor. *Dio duk gura*. [Buaya sedang bergurau.]

NNH : Buaya putih tu ko? [Itu ke?]

RAZ : *Tok* [Tidak] tahu, wallahhualam. Tapi dia kata memang *boyo* [buaya]. *Kalu kito tanyo ore lamo-lamo* [Kalau kita tanya orang lama-lama], “Sungai *ni* [ini] ada buaya?” “*Ado boyo* [Ada buaya].” Tapi *nok tengok* [nak lihat] *tak* [tidak] boleh, walaupun anak cucu cicit dia sendiri pun takkan boleh bagi. *Tu cito boyo* [Itu cerita buaya]. *Cito kudo pulok, bilo kito hambak mano-mano, bilo dio duduk dio akan gi tiok* [Cerita kuda pula, bila kita halau pergi mana-mana, dia tetap akan pergi duduk di kubur dan menangis] dekat kubur Tok Selehor. Jadi arwah *tok* [atok] saya *ni* [ini], *tok* [tidak] tahu *nok* [nak] buat *gano* [macam mana]. *Bowoklah kudo tu letok* [Bawalah kuda itu letak] di pulau, biar orang pulau *pero* [jaga]. *Jadi bilo ore pulau pero, satu hari mari oyak dio kato kudo tidur sebab banjir* [Jadi apabila orang pulau jaga, suatu hari orang pulau datang bagitahu yang kuda ini tidur disebabkan banjir]. *Kudo tu* [Kuda itu] terendam dalam air seminggu *doh* [dah], jadi *kudo* [kuda] tidur sebab *nok* [nak] mati. *Kudo meroh tino* [Kuda merah betina], saya pun *tokdei* buat *bako*, *saye* [tidak sempat buat baka, sayang] la. Mungkin *kudo* [kuda] orang alim *kot* [agaknya]. *Mace* [Macam] Tok Selehor daripada *sebelas* [11] kali kahwin, *sebelas* [11] orang isteri tapi *lima* [5] orang *jah anak* [sahaja anak]. Daripada Tok Selehor, Abu Bakar *tok* [atok] saya, *Zaid tu* [itu] ayah saya dan saya. Semua *laki* [lelaki]. Kalau ikut sanaf saya yang paling kuat la. Dengan Dato Razuki *tu* [itu], saya

kuat lagi. Sebab saya *gitu* [begitu] la.

RAZ : **Okay boleh?**

NNH : Okay boleh. Terima kasih cik (ketawa).

RAZ : Sama-sama.

NNH : Maka berakhirlah sesi temubual kita pada hari ini. Demikian tadi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Rizatul Akman Bin Zaid iaitu cicit kepada arwah Tok Selehor seorang ahli ulama yang terkenal dimana kisahnya menjadi iktibar dan pengajaran sehingga sekarang. Kami mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai Sejarah Bangunan Tok Selehor. Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian, Terima Kasih.

RAZ : Sama-sama.

TAMAT BAHAGIAN 9

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
00.0 - 03.49	Latar Belakang Cicit Tok Selehor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rizatul Akman bin Zahid. 2. Pondok Tok Selehor
03.52 - 11.44	Sejarah Pendidikan Dan Pekerjaan Beliau	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sekolah rendah Sekolah Kebangsaan Kok Pasir 2. Matrikulasi Rendah Sains Mara, Pengkalan Chepa 3. Sekolah Menengah Kebangsaan Tumpat 4. Politeknik di Polisas Kuantan 5. Agensi Anti Dadah Kebangsaan
11.49 - 49.07	Latar Belakang Tok Selehor	<ol style="list-style-type: none"> 2. Kampung Lubuk Jong 3. Pattani ,Thailand
49.11 - 01.00.20	Sejarah Pendidikan Tok Selehor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sungai Pinai 2. Tuan Guru Haji Abdul Malik 3. Pattani, Thailan 4. Tok Kenali 5. Mekah di Masjidil Haram 6. Kampung Chaok Kuala Bekah. 7. Tok Guru Haji Abdul Rashid 8. Tuan Guru Haji Abdullah Benang Jong 9. Haji Abdul Malik di Masjidil Haram.

		<ul style="list-style-type: none"> 10. Haji Abbas 11. Haji Che Mamat Sharif 12. Haji Yaakob 13. Kampung Pelangai 14. Haji Abdul Rahman 15. Ayah Mat Pohon Tanjung. 16. Kampung Cabang Tiga Berangai
01.00.21 – 01.06.51	Pekerjaan Awal Tok Selehor	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pattani, Thailand 2. Mekah 3. Malaysia 4. Brunei 5. Kalimantan Indonesia 6. Sumatera Jawa 7. Siak
01.06.52 – 01.41.07	Sejarah Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pondok Tok Selehor 2. Suluk 3. Wakaf Tok Selehor 4. Masjid Kok Pasir 5. Telaga Besar Tok Selehor 6. Pondok Darul Hannan
01.41.07 – 01.44.17	Kejayaan	<ul style="list-style-type: none"> 1. Kelantan 2. Kuala Lumpur 3. Universiti Malaya (UM) 4. Universiti Teknologi MARA (UiTM) 5. Singapura 6. Universiti Putra Malaysia (UPM) 7. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

01.44.20 – 01.49.06	Masalah Dan Isu	1. Majlis Agama Islam Kelantan
01.49.07 – 02.00.17	Harapan	

LAMPIRAN 2: DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA	PERKARA	TINDAKAN
12 March 2019	2.00 P.M	Mencari bahan dan maklumat tentang bangunan-bangunan bersejarah di Kelantan.	Pemilihan tajuk untuk pembentangan dan pengesahan tajuk antara Masjid Mulong atau Pondok Tok Selehor
19 March 2019	8.30 A.M	Pembentangan awal untuk pemilihan tajuk	
3 April 2019	10.00 A.M	Bergerak ke Pondok Tok Selehor untuk meninjau lokasi sebenar Pondok Tok Selehor	Bergerak terus ke destinasi
	11.30 A.M	Tiba di lokasi iaitu Pondok Tok Selehor dan berjumpa dengan cicit Tok Selehor iaitu Encik Rizatul.	
	11.40 A.M	Memberitahu Encik Rizatul tentang projek yang ingin dijalankan dan tujuan membuat temujanji dengan beliau. Beliau bersetuju dan temujanji akan dibuat pada 26 April 2019	Mencatat tarikh dan masa temuduga bersama beliau.

25 April 2019	5.00 P.M	Menghantar pesanan ringkas untuk mengingatkan beliau tentang temubual yang akan dijalankan pada esoknya iaitu	Menghantar pesanan ringkas kepada Encik Rizatul.
26 April 2019	8.00 A.M	Bertolak ke Pondok Tok Selehor	
	9.30 A.M	Tiba dilokasi Pondok Tok Selehor.	
	10.00 A.M	Perjumpaan dilakukan di depan Pondok Tok Selehor	
	11.00 A.M	Tempat temubual terpaksa ditukar di kediaman Encik Rizatul kerana berlangsungnya program Kem Motivasi	
22 Mei 2019	8.00 A.M	Pembentangan akhir	

LAMPIRAN 3: SENARAI SOALAN

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh **Nur Najihah Binti Hamdan** dan **Nurul Azuwa Binti Amirrudin** bersama **Encik Rizatul Akman Bin Zaid** mengenai **Sejarah Bangunan-Bangunan Tok Selehor** yang ditubuhkan pada abad ke-19 hingga kini. Temubual ini dijalankan di _____ pada __ April 2019.

SOALAN-SOALAN TEMUBUAL BERSAMA ENCIK RIZATUL AKMAN BIN ZAID

*Pengenalan Diri (Cicit Tok Selehor)

1. Assalamualaikum encik, sebagai permulaan perbualan kita, boleh encik ceritakan serba sedikit latar belakang encik?

- Nama penuh encik?
- Apakah nama panggilan encik?
- Berapakah umur encik?

3. Encik berasal daripada mana?

4. Dimanakah tempat tinggal encik sekarang?

5. Berapakah adik beradik encik?

6. Encik anak ke berapa?

7. Apakah hobi encik?

8. Siapakah nama ibubapa encik?

9. Berapakah bilangan anak encik?

10. Apakah pekerjaan encik?

11. Apakah bakat yang encik miliki?

***Sejarah pendidikan**

12. Sehingga tahap manakah pendidikan encik?

- Sekolah rendah?
- Sekolah Menengah?
- Universiti?

13. Dimanakah encik bersekolah?

14. Apakah nama sekolah rendah, menengah dan universiti encik (jika ada)?

15. Apakah pencapaian yang pernah encik capai?

- Sekolah rendah?
- Sekolah Menengah?
- Universiti?

16. Apakah pengalaman manis dan pahit sepanjang zaman persekolahan encik?

***Sejarah Pekerjaan**

17. Apakah pekerjaan encik sekarang?

18. Apakah jawatan yang encik pegang sekarang?

19. Apakah pekerjaan encik selepas zaman persekolahan?

20. Apakah pekerjaan pertama encik sebelum encik mendapat pekerjaan yang tetap sehingga sekarang?

***Pengenalan Diri (Tok Selehor)**

Kami ingin menemubual encik mengenai sejarah bangunan yang telah dibina oleh Tok Selehor.

21. Kami mulakan sekarang ya dengan latar belakang Tok Selehor?

- Apakah nama penuh Tok Selehor?
- Siapakah Tok Selehor?
- Apakah nama gelaran beliau?
- Dimanakah tempat lahir beliau?
- Bilakah tarikh lahir beliau?

22. Bilakah tarikh kewafatan beliau?

23. Apakah punca kewafatan beliau?

24. Apakah peranan beliau semasa beliau berkhidmat?

25. Apakah pekerjaan sampingan beliau?

26. Apakah hobi beliau?

27. Apakah kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh beliau?

- Bersilat
- memukat ikan
- Memburu
- Berlaga ayam
- Syair
- Kebijaksanaan dalam ilmu agama

28. Apakah sejarah isteri pertama beliau dan anaknya?

- Apakah nama isteri dan gelarannya?
- Berapakah anak beliau?
- Apakah nama anak-anak beliau?
- Apakah jawatan dan pekerjaan anak beliau?

- Adakah anak-anak isteri pertama mewarisi beliau menjadi seorang ahli ulama yang terkenal?

29. Apakah sejarah isteri kedua beliau dan anaknya?

- Apakah nama isteri dan gelarannya?
- Berapakah anak beliau?
- Apakah nama anak-anak beliau?
- Apakah jawatan dan pekerjaan anak beliau?
- Adakah anak-anak isteri kedua mewarisi beliau menjadi seorang ahli ulama yang terkenal?

30. Apakah sejarah isteri ketiga beliau dan anaknya?

- Apakah nama isteri dan gelarannya?
- Berapakah anak beliau?
- Apakah nama anak-anak beliau?
- Apakah jawatan dan pekerjaan anak beliau?
- Adakah anak-anak isteri ketiga mewarisi beliau menjadi seorang ahli ulama yang terkenal?

31. Apakah sejarah isteri keempat beliau dan anaknya?

- Apakah nama isteri dan gelarannya?
- Berapakah anak beliau?
- Apakah nama anak-anak beliau?
- Apakah jawatan dan pekerjaan anak beliau?
- Adakah anak-anak isteri keempat mewarisi beliau menjadi seorang ahli ulama yang terkenal?

32. Adakah benar tentang kesahihan beliau dan salah seorang isterinya berpisah?

Nyatakan siapa dan mengapa beliau berpisah?

33. Adakah benar tentang mitos penceritaan mengenai beliau boleh berkomunikasi dengan binatang?

34. Adakah benar beliau pernah memelihara seekor buaya putih dan melepaskannya di Sungai Selehor untuk menjaga keamanan sungai?

35. Bolehkah encik cerita serba sedikit tentang ikan yu yang singgah di tepi sungai Selehor?

36. Bolehkah encik cerita tentang kisah kesulitan beliau untuk menuntut ilmu di Pattani disebabkan oleh halangan daripada lanun?

***Pendidikan**

Seterusnya kita akan beralih ke sesi pendidikan dan pelajaran Tok Selehor.

37. Bagaimanakah sejarah pendidikan beliau?

38. Bidang ilmu apakah yang ditumpukan oleh beliau dalam ilmu agama?

39. Dimanakah beliau mendapat pendidikan semasa menuntut ilmu agama?

40. Siapakah guru yang beliau menimba ilmu sebelum menjadi ahli ulama yang masyhur?

Adakah Tok Kenali merupakan guru Tok Selehor dan juga sahabatnya?

41. Mengapakah beliau digelar ahli ulama yang masyhur?

42. Adakah beliau mempunyai murid yang menjadi ilmuwan yang terkenal?

43. Siapakah antara murid-muridnya yang menjadi terkenal dan masyhur?

44. Adakah Tok Selehor mempunyai murid selain penduduk tempatan?

45. Selain beliau belajar ilmu agama, apakah ilmu lain yang dipelajari oleh beliau? Contohnya, syair, pantun ataupun bersajak.

46. Apakah gelaran yang diberikan kepada beliau diatas kepandaian beliau mengarang syair?

47. Apakah bakat yang dimilikinya sehingga dikenali ramai dengan panggilan Tok Syair?

48. Adakah beliau mewarisi ibubapanya yang juga digelar Tok Syair?

***Pekerjaan Awal**

Beralih ke sesi seterusnya iaitu mengenai pekerjaan awal Tok Selehor.

49. Bilakah beliau digelar menjadi ahli ulama terkenal?
50. Dimanakah beliau menyebarkan dakwah beliau?
51. Adakah beliau menjadi Tok Guru mengaji di kampung beliau?
52. Dimanakah beliau menjadi tokoh guru pondok yang terkemuka?
53. Selain pusat pengajian pondok Tok Selehor, dimanakah tempat beliau mengajar mengaji?
54. Apakah pekerjaan beliau selain menjadi ahli ulama dan Tok Guru mengaji?

***Sejarah Bangunan**

Baiklah. Mari kita mulakan dengan sesi utama temuramah ini iaitu maklumat mengenai bangunan-bangunan yang dibina oleh Tok Selehor.

55. Apakah bangunan bersejarah yang dibina dan ditinggalkan oleh beliau?
56. Bilakah anggaran tahun bangunan-bangunan ini ditubuhkan?
57. Berapa lamakah bangunan-bangunan ini didirikan? –Tahun didirikan sampai sekarang
58. Dimanakah terletaknya bangunan-bangunan ini?
59. Bolehkah encik berkongsi tentang sejarah bangunan ini?

▪ Pondok Tok Selehor

60. Bagaimanakah beliau mendapat dan tercetus idea untuk membina pondok Tok Selehor?
61. Dimanakah lokasi pondok Tok Selehor?
62. Siapakah yang bertanggungjawab menjaga pondok ini sekarang?
63. Adakah banyak bajet yang diperlukan untuk membaikpulih pondok ini?

64. Dari manakah sumber bajet yang diperolehi untuk membaikpulih pondok ini?
65. Berapakah anggaran bajet yang diperlukan untuk membaikpulih pondok ini?
66. Berapakah anggaran masa untuk menyiapkan pondok ini?
67. Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang reka bentuk pondok Tok Selehor?
68. Apakah kayu yang digunakan untuk membina pondok ini?
69. Apakah tarikan yang membuatkan orang ramai datang menziarahi pondok Tok Selehor ini?
70. Apakah kejayaan pondok Tok Selehor hasil dari legasi peninggalannya pada masa sekarang?

- **Suluk**

71. Bilakah pondok ini dibina atau dikenali sebagai suluk?
72. Apakah itu suluk?
73. Mengapakah ia dipanggil suluk?
74. Mengapakah suluk tersebut dibina?
75. Apakah peranan suluk tersebut kepada generasi sekarang?
76. Bagaimanakah reka bentuk suluk?
77. Suluk dikenali sebagai tempat suci, adakah ia mempunyai perkara yang perlu dihindari oleh pengunjung semasa melawati tempat ini?
78. Apakah kejayaan suluk hasil dari legasi peninggalannya pada masa sekarang?

- **Wakaf Tok Selehor**

79. Mengapakah wakaf Tok Selehor ini didirikan?
80. Bilakah wakaf Tok Selehor didirikan?
81. Adakah wakaf ini dibina pada tahun yang sama dengan pondok Tok Selehor? ataupun tahun yang sebelumnya?

82. Apakah tujuan lain wakaf Tok Selehor dalam menyebarkan ilmu agama?
83. Bagaimanakah reka bentuk wakaf Tok Selehor?
84. Apakah kayu yang digunakan untuk membina wakaf ini?
85. Adakah wakaf ini masih mengekalkan sebagai tempat mengaji atau hanya menjadi tempat beristirahat penduduk tempatan?

▪ **Masjid Kok Pasir**

86. Apakah sejarah masjid ini?
87. Adakah masjid Tok Selehor ini kini dinaiktaraf menjadi masjid yang terdahulunya hanyalah sebuah madrasah?
88. Apakah nama masjid ini selepas dinaiktaraf?
89. Bilakah masjid Tok Selehor ini dibina?
90. Siapakah yang membina masjid Tok Selehor?
91. Adakah masjid ini dijadikan sebagai salah satu tempat pengajarannya selain beribadah?
92. Bagaimanakah reka bentuk madrasah sebelum ini dan masjid selepas dinaik taraf?
93. Bagaimanakah gaya tarikan dan cara penyampaian Tok Selehor dalam kuliahnya?

▪ **Telaga Besar Tok Selehor**

94. Apakah sejarah telaga besar Tok Selehor?
95. Adakah Telaga Besar Tok Selehor dikekalkan sehingga ke hari ini? atau pun ianya pernah diperbaharui?
96. Pernahkah Telaga Besar Tok Selehor kekeringan air seperti telaga-telaga biasa yang lain?

▪ **Pondok Darul Hannan**

97. Apakah Darul Hannan?
98. Apakah tujuan bangunan ini ditubuhkan?
99. Bilakah bangunan ini ditubuhkan?
100. Siapakah pengasas Darul Hannan?
101. Siapakah yang menguruskan Darul Hannan?

***Kejayaaan**

102. Pernahkah encik didatangi pelawat dari luar Kelantan untuk Kem Motivasi Diri?
103. Pernahkah encik mendapat tawaran untuk menjadi penceramah kesedaran diri seperti di pusat serenti atau penjara?
104. Bolehkah encik berkongsi pengalaman encik semasa encik menjadi penceramah di pusat serenti atau penjara?
105. Apakah pencapaian Tok Selehor sepanjang beliau hidup?

***Masalah dan Isu**

106. Pernahkah berlakunya perbalahan diantara keluarga encik dalam mewarisi peninggalan oleh Tok Selehor?
107. Apakah kesulitan yang dihadapi semasa mengendalikan di pusat serenti atau penjara?
108. Bagaimanakah beliau mengatasi dan membendung masalah ini?
109. Adakah ajaran dan dakwah Tok Selehor pernah dianggap terpesong oleh masyarakat sekeliling?
110. Pernahkah masjid Kok Pasir ini sering mengalami kecurian?
111. Pernahkah tempat ini dilanda banjir semasa banjir besar pada tahun 2014?

112. Bagaimanakah cara yang diambil untuk membaiki bangunan-bangunan yang dilanda banjir?

113. Berapa lamakah masa yang diambil untuk membaikpulih seperti biasa?

114. Pernahkah Tok Selehor berdepan dengan masyarakat yang mengamalkan syirik dan khurafat?

115. Apakah tindakan Tok Selehor bagi mengatasi masalah ini?

***Harapan**

Baiklah pada sesi akhir ini:

116. Apakah harapan encik terhadap sejarah Tok Selehor agar menjadi iktibar kepada masyarakat diluar sana?

117. Apakah nasihat encik terhadap generasi sekarang yang kurang mendalami dalam ilmu agama?

118. Adakah encik berharap untuk menyebarkan lebih meluas tentang sejarah Tok Selehor?

119. Landasan apakah yang encik harapkan untuk menyebarkan sejarah ini? Seperti surat khabar, radio, televisyen, sosial media dan sebagainya.

120. Apakah program yang lain yang encik harapkan supaya dapat memberi kesedaran dalam bidang ilmu agama?

Demikian tadi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Rizatul Akman Bin Zaid iaitu cicit kepada arwah Tok Selehor seorang ahli ulama yang terkenal dimana kisahnya menjadi iktibar dan pengajaran sehingga sekarang. Kami mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai Sejarah Bangunan Tok Selehor. Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian, Terima Kasih.

INDEKS

A

Agensi Kerajaan Anti Dadah
Abdul Rahman Bin Othman

B

Bangunan Bersejarah
Bukit Tanjung
Brunei
Buaya
Burung Belibis
Biri-biri

D

Dewan Besar

G

Guru

H

Haji Yaacob
Haji Abbas
Haji Abdul Malik

I

Ikan Lumba-Lumba

J

Jabatan Kebajikan Masyarakat
Jawa
Johor-Riau

K

Kelantan
Kg Kok Pasir
Kalimantan
Kuda Merah
Kitab

L

Landak
Lanun

M

Masjid Tok Selehor
Mekah
Matrikulasi Rendah Sains Mara
Majlis Agama Islam Kelantan

N

NGO
Nusantara

O

OKP

P

Pondok Tok Selehor
Pondok Darul Hannan
Perigi Besar Tok Selehor
Politeknik
Pattani
Palekbang

Q

Quran

R

Rizatul Akman Bin Zaid
Radio
Ringgit Malaysia

S

Siam
Singapura
Siak
Suluk
Sosial Media
Surat Khabar
Syair
Silat

T

Tumpat
Thailand
Tok Guru
Tok Selehor
Tok Kenali
Tok Ayoh Perok
Televisyen
Telaga Besar

U

Universiti
Ulama

W

Wakaf Tok Selehor
Wan Melah Bin Haji Wan Umar
Wakaf Bharu

Y

Yayasan Darul Hannan

Z

Zaid Bin Bakar

RUJUKAN

Rizatul Akman Bin Zaid. *Personal Communication*. 25 April, 2019

Tokoh Al KELANTANI (1872 - 1935) sejarah yang tak mungkin berulang [*Web log post*]. (n.d.). Retrieved March 18, 2019, from <https://awalperjuangan.blogspot.com/2010/10/ulama-tersohor-tok-selehong-1872-1935.html?m=1>

IGET (Ikatan Generasi Y Tumpat). (n.d.). Retrieved from <https://www.facebook.com/335503859876548/posts/-menarik-sekitar-tumpat-suluk-tok-selehong-merupakan-tempat-beribadah-atau-peng-u/1664346120325642/>